



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 5 - 11 OKTOBER 2023

www.selangorkini.my

426,656 rumah tidak dikenakan cukai

Kemudahan sejak 2016 diteruskan hingga akhir tahun ini melibatkan kediaman kos rendah dan rumah kampung untuk tingkat pendapatan boleh guna rakyat. Inisiatif tersebut bawa kesan kewangan RM29.4 juta

MUKA 3

Elaun bulanan pegawai masjid naik

Mulai 25 Oktober, bayaran untuk imam bertambah kepada RM1,500 manakala bilal (RM340), nazir (RM300) dan siak (RM290). Insentif melibatkan perbelanjaan RM2.9 juta yang bertujuan menyemarakkan syiar Islam

MUKA 3



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan meninjau Jualan Ehsan Rahmat di pasar raya Segi Fresh Telok Panglima Garang, Kuala Langat pada 30 September 2023. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ►BERITA MUKA 2

pancawarna

Perluas kerjasama ekonomi, pendidikan

Lawatan empat hari ke Jakarta turut jalin usaha sama perbukuan



12&13

Bahaya ketulan maut di dada

Norhamiza kongsi keperitan saat berdepan barah payudara



9

Separuh pinjaman Hijrah hangus

Usahawan wanita temui formula cecair cuci baju



11

Talian 24 jam lapor isu beras

SHAH ALAM - Orang ramai diminta segera melapor kepada Unit Kawalselia Padi dan Beras Selangor jika berdepan masalah kekurangan bekalan tersebut di mana-mana lokasi dalam negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga memaklumkan pasukan khas akan bertindak dalam tempoh 24 jam selepas menerima aduan bagi memastikan bekalan tidak terputus.

"Kerajaan Negeri menggerakkan inisiatif ini bagi membantu kehidupan rakyat dan mengelak pembelian panik. Mohon sebarkan supaya lebih ramai mendapat manfaat," katanya pada 27 September.

Aduan boleh disalur melalui talian 03-3289 8419 atau WhatsApp 017-223 0771.

Projek kompleks sukan ikut jadual

SHAH ALAM - Projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) membatikan kawasan seluas 76.08 hektar berjalan mengikut jadual dan dijangka siap menjelang 2026.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pentadbiran negeri masih menunggu kebenaran merancang (KM) untuk memulakan projek berkenaan.

"Saya tengah tunggu KM. Pasti (projek) akan mula tahun ini. Kalau tidak awal Oktober (mungkin) akhir Oktober. Atau mungkin awal November. Itu sasaran kita."

"Tahun ini akan mulakan perobohan dan 2026 akan siap," katanya pada 30 September.

Pembangunan semula KSSA dibuat berikutan kos baik pulih dianggar menelan kos RM787 juta. Sebanyak RM56 juta digunakan bagi menyelenggara dan membaiki kerosakan antara 2013 hingga 2022.

KSSA bakal meliputi pelbagai kemudahan untuk orang awam berekreasi selain mengadakan kegiatan komersial antaranya 40 peratus kawasan rekreasi awam dan 60 peratus untuk sukan termasuk gelanggang 'indoor' dan dewan serba guna.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas



Tengku Amir tinjau jualan murah

KUALA LANGAT - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan meninjau program Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Segi Fresh cawangan Teluk Panglima Garang di sini.

Baginda turut menyampaikan sumbangan barang asas kepada asnaf dan pertubuhan rumah anak yatim dalam kunjungan kira-kira 30 minit pada 30 September.

Hadir sama, Pengarah Segi Value Holdings Sdn Bhd Dato' Syed Haizam

Hishamuddin Putra Jamalullai dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi.

"Segi Fresh menawarkan pelbagai barang segar terus dari ladang dan barang lain pada harga Rahmah. Kami memahami keperluan dan kehendak masyarakat," kata Syed Haizam.

Beliau percaya kerjasama itu membawa manfaat kepada masyarakat setempat sekali gus membantu meringankan beban golongan ber-

pendapatan rendah yang berdepan kenaikan kos sara hidup.

Pada Julai, PKPS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Segi Fresh bagi memperluas capaian program jualan murah anjuran Kerajaan Negeri mulai 1 Ogos.

Pasar raya itu dilantik sebagai rakan strategik bagi menjayakan program JER termasuk menyediakan lokasi jualan dan logistik meliputi 55 premis rangkaianya di seluruh negeri.

45,000 rumah tahun ini

60,000 unit mampu milik siap 2025

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Sasaran membina 60,000 unit Rumah Selangorku mampu dicapai menjelang 2025 melalui pemantauan projek secara berterusan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menjelaskan sebanyak 45,000 unit rumah mampu milik itu dijadual siap akhir tahun ini, beliau berkata usaha agresif sepanjang 2024 dan 2025 perlu bagi memastikan pembinaannya tidak lewat.

"Kita sudah sampai kepada 45,000 (unit) menjelang akhir 2023. Jadi, kita

hanya perlu pantau dan pastikan projek itu siap.

"(Sasaran) 60,000 (unit) menjelang 2025 boleh dicapai. Cuma, kita kena agresif sikit pastikan semua projek berada dalam landasan dan tidak terlewat," katanya di sini pada 30 September.

Dalam Ekspo Hartanah Selangor itu, Amirudin percaya kemampuan pembeli untuk memiliki hartanah khususnya pada nilai mampu milik iaitu RM250,000 ke bawah meski suasana ekonomi masih suram.

Dalam isu berkaitan, beliau juga menjelaskan Kerajaan Negeri sedang meneliti keperluan untuk menubuh-

kan pasukan khas bagi menangani masalah projek perumahan terbengkalai di Selangor.

"Kita (pentadbiran negeri) sebenarnya tiada 'locus standi'. Kerajaan Negeri hanya membantu. Dari segi kuasa sebenarnya antara pemaju dan juga pembeli," katanya.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah pula berkata Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor memudahkan cara usaha memulih atau menyelesaikan masalah projek terbengkalai.

"Setakat ini, sebanyak 100 projek melibatkan 38,324 unit telah dipulihkan," katanya.

2,700 beras Ehsan di tujuh lokasi

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengadakan jualan beras jenama Ehsan bagi meringankan beban rakyat yang terjejas berikutan kenaikan harga beras tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi men-

jelaskan bekalan 2,700 kampit beras 5 kilogram pada harga RM13 atau RM10 disediakan meliputi tujuh lokasi pada setiap hari.

"Beras tersebut dijual pada harga RM13 di mana-mana premis jualan PKPS tetapi di lokasi Jualan Ehsan Rahmah kekal pada harga RM10.

"Kita mahu bantukekalkan rantaian bekalan makanan untuk rakyat supaya tiada pihak terjejas," katanya.

Beras itu boleh didapati antaranya cawangan Wisma PKPS (Seksyen 14), Ehsan PKPS (Seksyen 9), Ehsan PKPS (Meru), Kiosk Ehsan (Selangor Fruit Valley) dan tiga lori jualan bergerak PKPS.

15,000 dijangka meriah ekspos niaga

SHAH ALAM - Ekspos Usahawan Selangor (SELBIZ) 2023 yang dijadual berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam mulai 6 hingga 8 Oktober menyediakan pelbagai acara menarik.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengadakan pameran Rumah Selangorku, Fiesta Kopi dan Festival Foodtruck.

"Kepada warga Selangor dan Lembah Klang, jangan lepaskan peluang

untuk nikmati kemeriahansuasana SELBIZ 2023 yang disediakan khas untuk anda seisi keluarga," katanya di Facebook.

Ekspos itu yang menyediakan 200 reruai perniagaan dan pameran selain klinik usahawan, cabutan bertuah dan acara larian bertujuan membantu usahawan memperkenal dan mengembangkan produk mereka.

Beberapa artis popular antaranya Tomok, Ernie Zakri, Amir Masdi, Floor 88 dan Ara Johari pula mengadakan

persebahan dalam Konsert Gempak, antara pengisian menarik dalam ekspos tersebut.

SELBIZ edisi pertama yang disertai pempamer di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) pada 3 dan 4 September tahun lalu dikunjungi lebih 5,000 orang.

Tahun ini, PKNS menjangka kehadiran 15,000 pengunjung dalam pengajuran ekspos berkenaan.

Orang ramai yang berminat menyertai ekspos itu boleh mendaftar menerusi pautan www.selbiz.my



CEMAR DULI... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, berkenan melawat reruai jualan sempena sambutan Hari Warga Emas Sedunia peringkat negeri 2023 dan Kempen Sihat Milik Selangor 3.0 di Shah Alam pada 1 Oktober. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Terima pengecualian cukai taksiran

Manfaat pemilik rumah kos rendah

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor meneruskan pengecualian cukai taksiran bagi 426,656 rumah kos rendah dan kampung untuk penggal kedua dari 1 Julai hingga 31 Disember tahun ini.

Dato' Menteri Besar berkata salah satu komitmen utama dalam tempoh 100 hari pentadbiran negeri itu melibatkan implikasi kewangan RM29.415 juta kepada semua pihak berkuasa

tempatan.

"Bantuan secara bersasar ini diharap meningkatkan pendapatan boleh guna bagi golongan yang memerlukan serta mengurangkan kos sara hidup," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 4 Oktober.

Perkara tersebut diumumkan dalam sidang media khas di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini berdasarkan ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Pada 23 Ogos, Amirudin menjelas-

kan Kerajaan Perpaduan di Selangor akan terus melaksanakan manifestonya dalam tempoh 100 hari dengan mengutamakan lima tawaran penting.

Selain pengecualian cukai taksiran, pentadbiran negeri juga menaikkan elaun imam, bilal dan siak serta memberi insentif pertanian dan perikanan kepada 500 pesawah dan nelayan.

Sebagai rekod, pengecualian cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah diperkenal pentadbiran negeri setiap tahun sejak 2016.

Elaun imam naik mulai 25 Oktober

SHAH ALAM - Bayaran kepada 760 imam negeri ini ditingkatkan sebanyak RM200 kepada RM1,500 sebulan mulai 25 Oktober, yang akan diselaraskan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata elaun bagi 1,900 nazir, bilal dan siak juga dinaikkan RM50 sebulan kepada RM300 (nazir), RM340 (bilal) serta RM290 (siak).

"Secara keseluruhan, pemberian insentif ini merupakan penambahan RM2.964 juta dan akan diperuntuk se-

caria tahunan sebagai ikhtiar Kerajaan Negeri dalam menggerakkan syiar Islam," katanya pada 4 Oktober.

Beliau mengumumkan perkara tersebut dalam sidang media khas di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini berdasarkan ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Amirudin menambah pentadbiran negeri mengambil pendirian untuk melaksanakan keputusan itu kepada pegawai masjid sebagai tanda peng-

hargaan melalui gaji progresif.

Pada 23 Ogos, beliau menyatakan komitmen Kerajaan Perpaduan di Selangor untuk terus melaksanakan manifestonya dalam tempoh 100 hari dengan mengutamakan lima tawaran penting.

Selain menaikkan elaun pentadbir masjid, turut diumumkan ialah pengecualian cukai taksiran bagi 426,656 rumah kos rendah dan kampung selain insentif khas kepada 500 pesawah dan nelayan.

RMS meriahkan festival Daikin

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke Festival Daikin di ibu pejabat syarikat penyedia solusi penghawa dingin Sungai Buloh di sini pada 1 Oktober.

Keberangkatan tiba Baginda kira-kira 5 petang disambut Naib Presiden Kanan Daikin Malaysia Group Management Mitsuo Honda dan Pengurus Besarnya Tomoji Miki.

Dalam acara itu, Tengku Amir menyaksikan penyerahan cek cura sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat itu kepada wakil dua rumah kebajikan dan tiga sekolah sekitar Sungai Buloh.

Ia membabitkan Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Rumah Aman Children's Home, Sekolah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Sungai Buloh dan SJK Tamil Kuang, dengan masing-masing memperoleh RM2,000.

Bentang belanjawan negeri November

SHAH ALAM - Belanjawan Selangor 2024 bakal dibentang pada pertengahan bulan depan, kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Dato' Menteri Besar berkata pihak pentadbiran menunggu perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berhubung perkara itu.

"Pertengahan bulan November kita akan adakan sesi bajet dan sidang DUN, kita menunggu perkenan Tuanku. Ia berjalan sekali sidang Dewan Negeri Selangor (DNS)," katanya pada 4 Oktober.

Bagi perbelanjaan negeri tahun ini, jumlah RM2.45 bilion diluluskan melibatkan perbelanjaan pengurusan berjumlah RM1.25 bilion serta perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.2 bilion.

Insentif RM1,000 untuk petani

SHAH ALAM - Seramai 500 pengusaha tanaman, ternakan, akuakultur, industri asas tani dan nelayan di negeri ini akan menerima insentif RM1,000 untuk meningkatkan kadar pengeluaran.

Dato' Menteri Besar berkata pemberian dibuat dalam bentuk tunai sebanyak RM500, manakala baki menerusi input tanaman, peralatan dan bahan mentah akan diserahkan pada 31 Oktober.

"(Pemberian ini) sebagai langkah membantu komuniti petani dan pesawah serta memberi insentif supaya kadar pengeluaran dapat ditingkatkan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 4 Oktober.

Beliau berkata agihan insentif berkenaan dilaksana menerusi kerjasama Agro Bank Selangor dan Koperasi Kohijrah Warga Hijrah Selangor Berhad.

Gramedia minat sertai pesta buku

JAKARTA - Gramedia, syarikat penerbitan terbesar di Indonesia berminat untuk menyertai Pesta Buku Antarabangsa Selangor antara 1 hingga 10 Disember.

Direktur Utama Gramedia Pustaka Utamanya Suwandi S Brata mengakui tertarik dengan pengajuran tersebut dan sedia meneliti undangan rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

"Tawaran itu kami sahut dengan gembira," katanya dalam dialog bersama delegasi Malaysia diketuai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) di Kompas Gramedia di sini pada 29 September.

Suwandi juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan ITBM yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Sakri Abdullah sambil disaksikan Pengurus ITBM Noor Amin Ahmad.

MoU berkenaan berkaitan kerjasama jualan buku Malaysia ke premis jualan Gramedia selain mengadakan usaha sama penerbitan dengan beberapa perpustakaan negeri.

Tarik minat awam ke perpustakaan

JAKARTA - Usaha meremajakan perkhidmatan perpustakaan negeri sejak 2010 menjadikan peranannya kekal relevan kepada semua lapisan kelompok, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Seksyen 13, Shah Alam mengamit ramai pengunjung meskipun keberkesanan pendekatan itu agak mengambil masa.

Merujuk pelbagai inisiatif antaranya studio, ruang makan minum dan anak kecil beriadah, beliau menjelaskan kemudahan tersebut menggalakkan golongan berkenaan untuk ke perpustakaan.

"Kita melakukan perubahan dengan membuat konsep peremajaan. Kita mendidik perpustakaan ini tempat untuk semua kelompok. Ibu boleh bawa anak-anak dan ia sesuai untuk semua golongan."

"Ia membawa hasil dan memberi dampak besar, malah kita terus berusaha untuk memberi nilai tambah dalam bentuk lain lagi," katanya di sini pada 26 September.

Dalam lawatannya ke Perpustakaan Nasional (Perpusnas) Republik Indonesia itu, beliau turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara PPAS dan Perpusnas.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:42	5:52	6:58	1:05	4:17	7:06	8:15
06 Jumaat	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
07 Sabtu	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
08 Ahad	5:42	5:52	6:57	1:04	4:17	7:04	8:14
09 Isnin	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:04	8:13
10 Selasa	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:04	8:13
11 Rabu	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:03	8:13

Rumpun nusantara pendamai dunia

JAKARTA - Negara-negara rumpun nusantara berupaya memimpin masyarakat antarabangsa pada masa depan khususnya berperanan sebagai faktor pendamai di tengah-tengah kekacauan dunia.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya rantau tersebut mampu menjadi model baharu dunia sebagai pendamai dalam menangani banyak konflik geopolitik antarabangsa.

"Wilayah ini boleh memimpin masa depan selepas kita melihat kegalauan

pada peringkat antarabangsa kerana kita ada aspek budaya dan adab yang tinggi dalam masyarakat kita."

"Ini boleh dikenalpasti sebagai tawaran kepada dunia bagaimana untuk menangani kegelisahan, kegawatan geopolitik sama ada di Eropah atau Asia Tenggara," katanya pada 27 September.

Beliau berkata demikian dalam wawancara bertema Ukhuh Jati Diri ke Arah Menduniakan Nusantara dalam Pesta Buku Antarabangsa Indonesia. Sesi

itu dimudah cara Pengurus Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Noor Amin Ahmad.

Turut menjadi ahli panel, Guru Besar Sejarah Kebudayaan dan Kepariwisataan di Universitas Negeri Makassar Prof Dr Andi Ima Kesuma dan bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia Datuk Dr Wahid Omar.

Amirudin menjelaskan sejarah menunjukkan jati diri masyarakat nusantara yang memiliki sikap pendamai.

Persamaan budaya Malaysia-Indonesia

Teroka peluang ekonomi serantau

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar memanfaatkan sesi dialog dan ramah mesra bersama diaspora Malaysia di Jakarta, Indonesia pada 24 September bagi menjelaskan hala tuju ekonomi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Dato' Seri Amirudin Shari melalui Facebook berkata persamaan budaya antara Malaysia dan Indonesia membantu Kerajaan Negeri meneroka potensi ekonomi lebih luas demi manfaat rakyat.

"Beberapa hari lalu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang dibentang oleh perdana menteri telah selesai diluluskan di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

"Antara perkara yang ditekankan adalah meningkatkan siling dan lantai ekonomi, menjadikan Malaysia sebagai berpendapatan tinggi, membawa Malaysia antara 30 pemain ekonomi terbesar di Asia dan dunia, serta usaha menangani isu perubahan iklim," katanya.

Program itu turut disertai Duta Besar Malaysia ke Indonesia Dato' Syed Md Hasrin Tengku Hussin, kakitangan Kedutaan Besar Malaysia, dan ahli Malaysia Club Jakarta (MCJ).

Amirudin menjelaskan kerajaan melaksana Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) untuk mengangkat Malaysia sebagai peneraju serantau bagi tenaga boleh baharu sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga tidak boleh diperbaharui.

Menurutnya, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang diperkenal, menyasarkan membentuk sektor pembuatan yang kukuh dan berdaya tahan serta menawar manfaat menyeluruh kepada pihak berkepentingan.

"Diaspora Malaysia di Jakarta turut diberi pencerahan mengenai pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang dirangka untuk memacu Selangor menjadi negeri pintar, berdaya huni dan makmur.

"Saya turut mengulas hala tuju buat lima tahun hadapan untuk pentadbiran Selangor. Semoga pertemuan ini mengeratkan silaturahim antara Jakarta dan Selangor seterusnya mencetus peluang ekonomi kepada negeri."

Usaha sama terbit karya klasik

JAKARTA - Dua buku termasuk versi terbaru Tuhfat al-Nafis hasil usaha sama Malaysia dan Indonesia dilancar dalam Pesta Buku Antarabangsa Indonesia di sini pada 27 September.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Wakil Presiden Indonesia ke-10 dan ke-12 Drs Muhammad Jusuf Kalla menyempurnakan pelancaran naskhah terkenal tulisan Raja Ali Haji.

Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Universitas Negeri

Makassar (UNM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bekerjasama bagi menjayakan penerbitan tersebut.

Tuhfat al-Nafis: Jejak Susur Galur Keturunan Melayu dan Bugis serta Raja-rajanya yang dilancarkan kali ini berdasarkan manuskrip asal yang tersimpan di muzium Indonesia.

Terdiri dalam banyak versi, naskhah berkenaan yang dipercayai dikarang antara 1866 hingga 1870 memuatkan pelbagai peristiwa penting melibatkan masyarakat Melayu-Bugis di rantau ini.

Penyalinan manuskrip bertulisan jawi kepada rumi dibuat Guru Besar Sejarah Kebudayaan dan Kepariwisataan UNM Prof Dr Andi Ima Kesuma yang turut menghasilkan buku Dinamika Orang Bugis ke Johor Pada Abad ke-18.

Dimudah cara Pengurus ITBM Noor Amin Ahmad, perbincangan bertema Ukhuh Jati Diri ke Arah Menduniakan Nusantara disertai Amirudin, Dr Andi dan bekas Naib Canselor UTM Datuk Dr Wahid Omar.

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:43	5:53	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15
5:43	5:53	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15
5:42	5:52	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15
5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
5:41	5:51	6:58	1:03	4:17	7:04	8:13
5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:04	8:13

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
5:44	5:54	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
5:44	5:54	6:59	1:06	4:19	7:07	8:16
5:44	5:54	6:59	1:06	4:19	7:07	8:16
5:44	5:54	6:59	1:05	4:20	7:06	8:15
5:43	5:53	6:59	1:05	4:20	7:06	8:15



Saipolyazan (dua, kanan) bersama Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor (kanan) menyampaikan pampasan INSAN kepada waris penerima Eeliani Noordin (tengah). Turut hadir Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Profesor Madya Dr Badrul Isa dan Ketua Pengajian Seni Persembahan Dr Norzizi Zulkifli di Batu Arang, Gombak pada 3 Oktober. Foto HAFIZ OTHMAN

Selangor miliki banyak kelebihan

Jadi pintu masuk Asia Tenggara

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Hasrat Selangor untuk menjadi pintu masuk Asia Tenggara boleh dicapai berikutan kelebihan yang dimiliki dalam pelbagai sektor, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan kekuatan tersebut melibatkan pelabuhan, lapangan terbang, keterhubungan pengangkutan awam dan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi.

Katanya, kelebihan lain merangkumi perbandaran, perumahan mampu milik selain wilayah perniagaan berdasarkan perkhidmatan serta sektor pembuatan

dan industri sampingan.

"Ini membolehkan Selangor menjadi negeri penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada kadar 25.5 peratus pada tahun lalu," katanya di Twitter pada 26 September.

Hasrat itu disuarakan Amirudin ketika menyampaikan kuliah umum di Universitas Paramardina, Jakarta sempena lawatan kerja ke bandar tersebut pada 25 September.

Beliau menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara universiti itu dan Universiti Selangor bagi meneroka kerjasama pendidikan, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Dalam kuliah tersebut, Amirudin

juga berkongsi pandangan berhubung perkembangan Asia Tenggara yang melalui proses demokrasi sekitar 60 hingga 70 tahun lalu.

"Asia Tenggara bakal menjadi 'Abad Asia Tenggara' (Southeast Asian Century) bagi menawarkan penyelesaian sebagai model benua kecil (a model subcontinent) yang mengangkat demokrasi (dan) membina ekonomi bermaruah."

"(Selain itu) menjawab persoalan baharu seperti perubahan iklim yang membawa kepada ketidaktentuan suhu dan cuaca, pekerjaan bermaruah, menggerakkan manusia menerusi mod pengangkutan awam dan jaminan bekalan makanan," katanya.

Teroka RS-1 dengan Indonesia

SHAH ALAM - Selangor sedia meneroka bidang yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bersama Indonesia untuk mencapai hasrat sebagai pintu masuk Asia Tenggara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tumpuan meliputi tanaman perindustrian pintar dan hijau, sisir kepada tenaga, keterjaminan makanan, rumah mampu milik dan bandar pintar.

Beliau percaya hasrat tersebut bakal

menarik lebih banyak peluang pelaburan asing ke Selangor selain membuka pintu buat negeri untuk melaksanakan usaha sama di republik berkenaan.

"Walaupun masing-masing bersaing, saya tekankan kini masa paling tepat untuk negara dan perusahaan di Asia Tenggara menggarap kekuatan bagi memastikan dekad ini adalah abad Asia Tenggara (The Southeast Asian Century).

"(Usaha ini juga) sebagai ruang demokrasi yang subur sebagai pelantar pembangunan ekonomi melalui pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat," katanya di Facebook pada 27 September.

Terdahulu, Amirudin bertemu Penurus Bidang Internasional Kamar Dagang dan Industri Indonesia (Kadin) Yohanes Lukiman di Jakarta untuk mempromosi Selangor sebagai pintu masuk Asia Tenggara.

Serah RM669,000 pampasan insurans

GOMBAK - Menteri Besar Selangor (Pembadan) atau MBI menyelesaikan 57 pampasan Skim Insurans Am Selangor (INSAN) melibatkan jumlah RM669,000 kepada waris setakat ini.

Ketua Pegawai Operasinya Saipolyazan M Yusop berkata pihaknya menerima 129 tunutan sejak Januari lalu dan masih memproses beberapa permohonan.

"Antara isu kelewatan seperti tiada lesen memandu, cukai jalan dan beberapa dokumen lain yang perlu penelitian sebelum diluluskan," katanya pada 3 Oktober.

INSAN diperkenal tahun lalu bagi melindungi semua penduduk negeri ini seawal usia 30 hari hingga 80 tahun dengan kos premium sehingga RM10,000 ditanggung sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Skim yang menyasar enam juta rakyat memberi perlindungan bagi kes hilang keupayaan kekal dan kematian disebabkan kemalangan. Awal Ogos lalu, INSAN ditambah baik dengan menawarkan Skim INSAN Takaful.

Sedia kemungkinan ancaman penyakit

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) sedia dengan sebarang kemungkinan orang ramai diancam penyakit akibat jerebu.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamauddin mengakui kualiti udara yang tidak sihat susulan cuaca itu memberi risiko terhadap kesihatan orang ramai terutama warga emas.

"Sekiranya keadaan (jerebu) bertambah teruk, kita akan pastikan JKNS sedia untuk membantu warga Selangor yang mungkin akan terkesan dengan penyakit tertentu," katanya pada 3 Oktober.

Beliau turut menasihati rakyat mengurangkan aktiviti luar dan merujuk laman sesawang apims.doe.gov.my/home.html bagi mengetahui status terkini kualiti udara.

Usaha lonjak ekonomi setempat

SUBANG JAYA - Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) akan melonjak ekonomi penduduk setempat.

EXCO Kemajuan Desa dan Luar Bandar Datuk Rizam Ismail berkata pembangunan merangkumi enam projek mega yang dijangka beroperasi mulai 2025 turut membuka banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi.

"Projek mega ini menarik pelaburan sebanyak RM1.9 bilion dan dijangka menawarkan hampir 3,600 kerjaya bergaji tinggi. Ini menjadi pemangkin kepada pendapatan penduduk terutama sekitar Sabak Bernam."

"Dalam masa sama, kita dapat mengurangkan penghijrahan terutama golongan muda ke bandar."

Awasi kawasan pembiakan Aedes

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengajak orang ramai untuk terus mengamal langkah pencegahan pembiakan Aedes susulan peningkatan kes denggi di Selangor.

Beliau juga memaklumkan langkah yang boleh diambil antaranya menghapus tempat pembiakan nyamuk dengan menutup dan memasukkan ubat jentik-jentik dalam bekas air terbuka.

"Peningkatan kes denggi membimbangkan ramai individu dan keluarga. Dengan pengamalan pencegahan dan tanggungjawab kolektif, kes boleh diturunkan untuk menjamin keselamatan masyarakat.

"Ayuh kita amalkan langkah berjaga-jaga bagi memastikan diri dan keluarga dilindungi dari demam denggi," katanya di Facebook pada 29 September.

Libat urus sokong pelan RS-1

SHAH ALAM - Sesi libat urus bersama penjawat awam negeri berhubung kajian sistem persaraan antara program yang menyokong dasar pembangunan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Setiusaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim berkata program soal jawab itu juga seiring tema empat rancangan pembangunan negeri yang menekankan tadbir urus pintar dan berkesan.

"Ini bagi mewujudkan dasar dan fleksibiliti pengurusan sumber manusia yang tangkas dan mengutamakan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan," katanya pada 26 September.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA) Dato' Dr Anesee Ibrahim pula memaklumkan 68,000 cadangan diterima setakat 22 September dan ia boleh dihantar menerusi semakansaraan.jpa.gov.my

Tumpu baik pulih kediaman

SHAH ALAM - Wakil rakyat Kota Damansara berharap isu pembakaan kemudahan terutama di kawasan pentadbirannya diberi pada belanjawan negeri tahun depan.

Muhammad Izuan Ahmad Kasim berkata gesaan itu berikutan aduan penduduk ketika kempen pilihan raya lalu yang mahukan infrastruktur ditambah baik.

"Seperti kita tahu baik orang kaya, miskin, tua dan muda semua menggunakan infrastruktur yang sama seperti jalan, longkang dan lampu, ia meliputi semua golongan."

"Justeru, saya berharap Kerajaan Selangor boleh mempertimbang untuk guna 10 ke 15 peratus rizab negeri untuk mengurus infrastruktur yang lama tidak diselenggara dalam belanjawan akan datang," katanya pada 2 Oktober.

Jangan panik, bekalan beras cukup

SUBANG JAYA - Orang ramai dinasihati tidak membuat pembelian panik susulan kekurangan bekalan beras ketika ini.

EXCO Pengguna Datuk Razam Ismail berkata bekalan di Selangor mencukupi dan dijual pada harga kawalan berdasarkan laporan semasa.

"Bila rakyat cemas, mereka ramai-ramai memborong sebab takut bekalan tidak ada. Ini akan menyebabkan krisis beras sukar ditangani.



"Jadi kita minta rakyat supaya percaya bekalan beras ada. Hanya beli mengikut keperluan sahaja," katanya dalam wawancara bersama Media Selangor pada 3 Oktober.

Beliau turut meminta masyarakat melapor kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kedai menyorokkan beras atau menjual pada harga tinggi.

"Kita mahu pantau situasi ini. Jadi

perlukan kerjasama masyarakat. Kalau ada perkara yang tak betul, boleh terus buat aduan," katanya.

Pada 2 Oktober, menteri pertanian keterjaminan makanan berkata pembelian panik melebihi keperluan bulanan selain penggunaan beras putih import kepada tempatan punca bekalan sumber makanan rutin itu terjejas di pasaran.

Justeru, Datuk Seri Mohamad Sabu menasihati orang ramai supaya membeli beras mengikut keperluan bulanan.

Pacu ekonomi negara, cipta peluang kerja

Taman Aero jadi hab aeroangkasa

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUR

SHAH ALAM - Pembangunan Taman Aero Selangor (SAP) akan dibuat untuk dijadikan hab aeroangkasa khususnya di rantau Asia Tenggara, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menjelaskan pembangunan taman seluas 2,000 ekar di Sepang itu dilengkapi kemudahan industri kejuruteraan aeroangkasa, beliau percaya industri tersebut memacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Menjelang 2030, saya percaya hampir 70 peratus industri penerbangan di Malaysia akan bertapak di Selangor," katanya di Facebook pada 24 September.

Amirudin menjelaskan Selangor ber cita-cita menerjui industri aeroangkasa yang turut dimuatkan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor.

"Aspirasi ini turut mendapat tempat dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP2030)," katanya.

Sebelum ini, Amirudin yakin program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan

Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) mampu menyediakan tenaga kerja berkemahiran dalam sektor penerbangan.

Menerusnya, Selangor bersedia menjadi pelopor penyedia tenaga kerja sektor berkenaan termasuk dalam bidang pengendalian pesawat dan kejuruteraan.

Selangor turut menganjurkan Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 awal bulan lalu yang menerima lebih 20,000 pelawat, mengatasi angka dicatat tahun lepas.

Lebih 60,000 sertai banci pertanian

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memohon pengusaha pertanian memberi kerjasama penuh kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi menjayakan Banci Pertanian 2024.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata bancian tersebut perlu disempurnakan berikut kali terakhir ia dilaksana pada 18 tahun lalu.

"Banci ini kali terakhir ia dilaksanakan adalah pada 2005 dan merupakan banci

pertanian yang ketiga kepada negara. Ia terlalu lama tidak dibuat.

"Amat relevan jika penyediaan profil pertanian terkini dan lengkap dibuat dalam bancian ini," katanya pada sesi pemukiman Banci Pertanian 2024 Selangor pada 27 September.

Program di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu disertai 41 wakil pelbagai agensi pertanian. Turut hadir Pengarah DOSM negeri

Hartini Yaacob.

Ir Izham berkata banci mulai Julai tahun depan yang mengambil masa hingga tiga bulan melibatkan lebih 60,000 responden daripada pelbagai sektor pertanian yang dikendali 200 pembanci.

"Kita jangka ia akan selesai pada September 2024. Soalan banci itu juga sangat lengkap dan banyak. Saya harap semua pihak dapat beri kerjasama," katanya.

Sasar indeks sejahtera skala 8.0

SHAH ALAM - Teras strategik 'peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial' yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) diyakini membantu meningkatkan skor indeks kesejahteraan keluarga (IKK) negeri ini kepada 8.0 menjelang 2025.

EXCO kebajikan masyarakat berkata program dan inisiatif yang bakal dirangka mampu memperbaiki pencapaian kesejahteraan keluarga negeri ini dengan lebih baik pada masa depan.

"Kerajaan Negeri menyedari perpentingnya pengukuhan institusi keluarga, maka RS-1 meletakkan teras strategik itu bagi mencapai sasaran skala 8.0 daripada 10 menjelang 2025," kata Anfaal Saari pada 25 September.

Berdasarkan laporan IKK pada 2019, beliau memaklumkan Selangor menduduki tangga ke-13 daripada 17 negeri termasuk tiga Wilayah Persekutuan dengan skor 7.68.

Jelas Anfaal, isu utama menjelas-

kan skor indeks itu berikutan ibu bapa sibuk bekerja hingga tiada masa dan perhatian terhadap anak selain masalah kewangan serta wang simpanan tidak cukup.

"Masyarakat kita kini juga menghadapi masalah 'generasi sandwich' iaitu generasi yang menggalas tanggungjawab menjaga ibu bapa dan juga anak-anak."

"Keadaan ini memberi impak kepada kesihatan mental, kualiti hidup serta kesejahteraan keluarga," katanya lagi.



Anfaal (tengah) bersama wakil rumah kebajikan dalam program Demonstrasi Pertolongan Cemas di Rumah Kebajikan di bangunan pentadbiran negeri pada 27 September. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Sedia bekalan makanan, keperluan harian

Persiapan awal hadapi banjir

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membuat persediaan awal mendepani banjir termasuk menyimpan bekalan makanan dan keperluan harian untuk mangsa bencana.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menjelaskan pasukan Sukarelawan Selangor (Serve) juga siap siaga untuk digerakkan bagi membantu pihak berkuasa jika khidmat mereka diperlukan.

"Persiapan dilakukan sejak awal bu-

lan. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyediakan keperluan antaranya toto dan selimut untuk memastikan kebajikan mangsa terjaga.

"Kita adakan simulasi pengurusan bencana melibatkan penghulu mukim, ketua kampung dan pegawai daerah dua minggu lepas. Ini penting kerana mereka antara pihak pertama membantu jika ada bencana."

"Minggu lepas pun ada berlaku kejadian ribut di Beranang. Bagaimanapun kita dapat santuni mangsa kurang 12 jam (hasil simulasi)," katanya pada 27

RM50,000 buat program keselamatan

SHAH ALAM - Sebanyak RM50,000 dibelanjakan untuk program sinergi prihatin bagi menjamin keselamatan penghuni 17 rumah kebajikan terpilih.

EXCO kebajikan masyarakat berkata seramai 445 peserta terlibat dalam demonstrasi pertolongan cemas sekali gus ia percubaan mendapatkan pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR).

Jelas Anfaal Saari, program yang

diperkenal pada tahun lalu turut mendedahkan ilmu pengetahuan berkaitan bantuan kecemasan kepada petugas dan penghuninya.

"Saban hari pusat ini mengurus penghuni yang ramai, jadi aspek keselamatan seperti pertolongan cemas penting untuk pastikan mereka bersiap sedia dengan sebarang kejadian."

"Demonstrasi di lapangan penting kerana memberi gambaran sebenar.

September.

Ribut yang melanda Beranang pada 19 September mengakibatkan 96 kedian penduduk terjejas membabitkan 370 mangsa.

Mereka terdiri dari Kampung Paya Tanjung, Kampung Sesapan Batu Minangkabau, Kampung Sungai Jai, Taman PKNS Beranang dan Kampung Sesapan Batu Rembau.

Susulan itu, MBI menghulur bantuan kepada keluarga terjejas dengan menyumbang toto, tuala mandi, air minuman, mi segera, roti dan biskut.

Mereka didedahkan latihan kebajikan, penggunaan pemadam api dan langkah mengosongkan lokasi jika berlaku kecemasan," katanya pada 27 September.

Anfaal menjelaskan kerjasama dengan beberapa pihak antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kumpulan Kids Campus itu bakal menjadi pemangkin bagi menyokong operasi rumah kebajikan.

Masjid, surau jadi pusat pemindahan

SHAH ALAM - Semua masjid dan surau di negeri ini berperanan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menghadapi situasi luar jangka termasuk banjir berikutan peralihan monsun.

Menerusi surat edaran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), pentadbir masjid dan surau diminta peka terhadap maklumat perubahan cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"(Pentadbir perlu) sentiasa mengingatkan jemaah dan ahli kariah untuk memastikan kebersihan longkang dan perparitan agar tidak mengganggu kelancaran aliran air semasa musim hujan."

"Aktiviti seperti gotong-royong juga hendaklah dibuat oleh pihak masjid dan surau dengan lebih kerap melalui siaran dan peringatan pada Jumaat," maklum surat itu.

12 pusat sementara hadapi tengkujuh

SHAH ALAM - Anggota penyelamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjalankan simulasi bencana dan menyediakan 12 pusat penempatan sementara sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan seramai 156 anggota Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) terlibat dalam latihan tersebut yang diadakan di Lembah Jaya, baru-baru ini.

"Latihan dan simulasi itu turut meliputi aktiviti membina keyakinan di dalam air, teknik menyelamatkan diri dalam air, teknik menyelamatkan mangsa dan pengendalian bot penyelamat."

"MPAJ turut menyediakan lebih 100 aset seperti bot, kayak, lori, kendaraan pacuan empat roda, dron, jengkaut dan khemah bagi berhadapan sebarang kemungkinan bencana," katanya dalam kenyataan.

Latihan selamat mangsa bah

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengadakan program simulasi bencana sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh pada hujung tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Mohd Zulkurnain Che Ali berkata latihan bukan sahaja melibatkan persediaan menyelamat ketika banjir tetapi juga kejadian seperti tanah runtuhan dan ribut.

"Jawatankuasa bencana peringkat MBSJ dan daerah bersiap siaga dengan keanggotaan, aset dan logistik untuk mendeplani sebarang kemungkinan pada musim tengkujuh."

"Kita sudah bersedia bersama polis, bomba selain aset pelbagai agensi lain termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk berdepan kemungkinan bencana," katanya pada 1 Oktober.

Cadang wujud kedai setiap DUN

SHAH ALAM - Pentadbiran negeri cadang mewujudkan kedai Jualan Ehsan Rahmah (JER) di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan asas.

Wakil rakyat Kota Damansara Muhammad Izuan Ahmad Kasim berkata ia juga memanfaatkan lebih ramai penduduk terutama berpendapatan rendah untuk membeli barang pada harga murah.

"Kita tahu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ada membuka kedai yang menjual barang seperti di JER tetapi lebih baik jika dapat diwujudkan di setiap DUN."

"Menerusi kedai juga, pembeli tidak perlu mencari lokasi jualan murah setiap hari dan beratur panjang untuk menunggu giliran," katanya pada 2 Oktober.

Lokasi terkini JER seluruh negeri boleh disemak di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS.

Bantuan alat niaga hingga RM10,000

SHAH ALAM - Usahawan kecil dipelawa memohon bantuan alatan niaga menerusi program Blueprint Pembasmian Kemiskinan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memaklumkan mereka yang mengusahakan perniagaan sekurang-kurangnya setahun layak memohon bantuan sehingga RM10,000.

Kriteria lain antaranya warganegara Malaysia, pemastautin tetap di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun selain pendapatan isi rumah bawah RM3,000 sebulan.

Sejak dilaksana pada 2013, seramai 4,321 usahawan kecil menerima manfaat melalui peruntukan RM21.6 juta. Maklumat lanjut di laman sesawang selangorpenayang.com

Mohon bantuan daftar taska

SHAH ALAM - Ibu bapa di Selangor boleh memohon insentif Yuran Pendataran Taska (PINTAS) yang dibuka sejak awal September.

Program kendalian Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) itu menawarkan bantuan sekali bayar RM100 untuk anak berusia empat tahun ke bawah untuk kemasukan ke taska atau nurseri.

Sebanyak 315 permohonan diterima setakat 15 September. Program tersebut masih dibuka sehingga sasaran kuota 5,000 penerima dipenuhi.

Permohonan boleh dibuat menerusi pautan pintas.yawas.com.my dengan melampir dokumen dalam tempoh 21 hari.

250 kampit habis kurang dua jam

KLANG - Sebanyak 250 kampit beras Ehsan keluaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) habis terjual dalam tempoh kurang dua jam dalam Jualan Ehsan Rahmah (JER) pada 1 Oktober.

Setiausaha Surau Sharifulhuda Taman Kem menjelaskan keperluan tersebut dipercayai cepat habis berikutan beban itu sukar didapat selain faktor harga mahal di pasaran.

Anuar Mohd menambah penduduk menunggu seawal jam 7.30 pagi untuk mendapatkan nombor giliran dan ada kalangan mereka yang membantu menyusun kerusi.

"Jualan mendapat sambutan dan bukan sahaja dihadiri penduduk sekitar

Taman Kem tetapi daripada luar termasuk Rantau Panjang, Berembang dan Pandamaran," katanya.

Beliau juga berharap JER diteruskan dan dianjur lebih kerap kerana ia meringankan beban masyarakat khususnya kelompok berpendapatan rendah.

Pengunjung Norhanim Hartono, 36, yang tiga kali berbelanja sejak JER dianjurkan tahun lalu mengakui pembelian di situ menjimatkan perbelanjaan dapur sekali gus meringankan beban kewangan.

"Seharusnya lokasi program ini ditambah supaya dapat membantu

rakyat membeli keperluan dapur seperti beras dan telur yang susah didapati di pasaran luar, harganya pun mahal," katanya.

Suri rumah S Thilaga, 40, teruja pertama kali ke program itu kerana sebelum ini lokasi jualan agak jauh dari kawasan kediaman.

"Saya teruja untuk hadir ke jualan ini kerana jiran-jiran beritahu harga agak murah dan mudah didapati berbanding jika pergi ke pasar raya luar yang selalu habis."

"Kebetulan barang dapur juga habis dan saya bercadang untuk beli beberapa keperluan seperti beras, telur dan ikan," katanya.



Pengunjung mahu jualan murah diteruskan

Pasar raya pilihan kedua berbelanja

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUR

AMPANG JAYA - Pengunjung Jelajah Ehsan Rahmah (JER) mengakui ternanti-nanti program kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk membeli barang dapur harga murah.



Suri rumah Najwa Pi Amaddin, 34, menjelaskan beliau tidak lagi membeli barang seperti ayam, ikan, daging, telur dan beras di pasar raya sejak tahun lalu.

Ditemui dalam program peringkat Dewan Undangan Negeri Lembah Jaya

pada 25 September, beliau hanya membeli di pasar raya untuk barang yang tidak ditawarkan dalam JER.

"Saya beli di sini kerana lebih jimat dan barangnya bermutu seperti beras, ia tidak mudah basi."

"Di pasar raya, saya hanya beli barang yang tiada di JER kerana ingin berjimat. Jadi, belanja bulanan setiap bulan berkurangan," katanya.

Mencadangkan program itu diteruskan pada masa depan, pesara Aminuddin Che Din, 66, percaya jualan tersebut membantu rakyat berpendapatan rendah mencegah kenaikan kos sara hidup.

"Program ini sangat baik dan me-

mang saya ikuti jika ada di kawasan sekitar. Boleh saya katakan semua pengunjung mahu inisiatif ini diteruskan."

"Diharap Kerajaan Negeri pertimbang permintaan rakyat kerana program sebegini sangat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Selangor membelanjakan subsidi berjumlah RM40 juta untuk melaksanakan jualan murah di 2,850 lokasi yang memanfaatkan lebih lima juta rakyat.

PKPS tambah kuantiti beras

AMPANG JAYA - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengambil inisiatif menambah kuantiti beras 5 kilogram (kg) di Jelajah Ehsan Rahmah (JER) bagi memenuhi permintaan pengunjung.

Penyelia Unit Jualannya Muhammad Farid Mustafa berkata penjualan beras jenama Ehsan juga dijangka meringankan beban rakyat yang terjejas akibat kenaikan harga beras tempatan.

"PKPS tambah kuantiti beras secara berperingkat. Hari ini sebanyak 290 kampit disediakan di JER Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya pada harga RM13 sekampit."

"Kebiasaan kita bawa beras

200 kampit sahaja. Dalam minggu ini, kita jangka ada penambahan dengan setiap lori JER bawa 400 kampit beras," katanya pada 25 September.

Muhammad Farid menjelaskan jualan beras 5kg pada harga RM13 dibuat sejak 23 September tetapi terhad satu kampit untuk setiap pembeli.

"Sekarang, harga pasaran beras tempatan RM18.70 untuk 5kg dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi subsidi RM5.70 menjadi RM13."

"Hanya harga beras ada kenaikan di JER tetapi harga barang asas lain



masih sama," katanya.

Sementara itu, Pembantu Jualan Selangor Fruit Valley (SFV) Muhammad Syawal Fitri Fadzil menjelaskan hasil ladang seperti sayur-sayuran dan buah-buahan turut dijual dalam JER.

Sayur itu ialah kacang panjang, bendi, peria, limau nipis, limau kasuri, serai, belimbing dan nanas. Barang yang dibawa berbeza setiap lokasi bergantung kepada keluaran di ladang.

"Barangan ini mendapat permintaan tinggi kerana ia segar dari ladang kami dan pengunjung menyukainya terutama nanas MD2," katanya.

pancawarna



Hanyut dek
kerana
popular
15

Oleh NADIAH ZAMLUK
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Tanggal 21 Julai 2020 tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Itulah hari doktor mengesahkan Norhamiza Md Akhir menghidap barah payudara.

Hati wanita berusia 39 tahun itu luluh. Hampir dua hari ibu anak empat itu berendam air mata. Tidak terfikir dia mendapat barah paling kerap dihadapi perempuan.

Sehingga Februari 2023, Kementerian Kesihatan melaporkan barah payudara paling kerap didiagnosis dalam kalangan wanita Malaysia iaitu 33.9 peratus. Diikuti barah usus 10.7 peratus dan barah rahim 6.2 peratus.

Norhamiza kehilangan ibu akibat barah hati 16 tahun lalu. Kakaknya pula meninggal akibat barah perut ketika berusia 12 tahun.

Bimbang terkena penyakit sama, anak kelahiran Kedah itu menjaga pemakanan sejak umur 20 tahun.

“Daging merah tak makan. Sentiasa bersenam. Memang fanatik bab kesihatan. Begitu juga dengan ubat-ubatan dan makanan tambahan (suplemen).

“Macam-macam makanan tambahan saya makan. Tapi sudah takdir, saya disahkan hidap barah payudara tahap dua,” katanya yang berkongsi pengalaman sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara.

Ketulan di ketiak

Pada 2020, dua bulan sebelum Aidilfitri, tahap kesihatan Norhamiza berubah. Kerap sakit-sakit dan mudah marah. Waktu itulah ketulan di bahagian ketiak mula disedarinya.

“Ketulan di ketiak tidak sakit. Tapi badan sakit. Dua bulan saya abaikan. Sebab sibuk hendak raya. Saya kata tak apalah. Tapi dalam tempoh saya biarkan itu, rupanya benjolan mula ada pada buah dada.

“Rasa mula tidak sedap hati dan saya ke pusat rawatan swasta di Subang. Waktu itulah disahkan barah payudara. Terkedu. Air mata mengalir tak berhenti,” katanya.

Suaminya Mohd Farid Abdul Shaamat, 49, berkali-kali memujuk supaya dia menjalani pembedahan walaupun doktor memintanya berfikir dahulu.

“Bila sudah ‘operate’ (dibedah), ada tiga ketulan



Cekal lawan barah

dalam buah dada. Bukannya seketul. Dalam dua bulan sudah ada tiga. Bayangkan jika dibiar,” ceritanya ketika ditemui Selangorkini pada 2 Oktober.


Kekuatan mental antara ujian berat ditempuh sepanjang menerima rawatan. Dia dijemput masuk ke pelbagai kumpulan WhatsApp. Begitu juga di Facebook, banyak artikel mengenai barah dikongsi kepadanya.

“Saya abaikan. Bukan sompong, tapi lebih banyak perkara negatif. Pengalaman saya, ada cadang macam-macam rawatan. Kata rawatan hospital tak patutlah. Cuba lain sikit dan macam-macam. Itu mengganggu emosi.

“Akhirnya semua ‘group’ yang negatif saya ‘left’ (tinggalkan). Jika kita hadapi apa-apa penyakit, paling penting kekuatan mental. Jika kita tak kuat, dan orang sekeliling kuat, tiada guna,” tambah bekas perunding insurans itu.

Setahun lebih rawatan kimoterapi dan radioterapi dilalui Norhamiza. Habis segala rambut, bulu kening gugur. Badannya lebam-lebam. Sebelah dadanya ibarat melecur. Semua dilalui penuh sabar.

Dalam keadaan



- penyusuan bayi
- pengambilan alkohol
- jarang bersenam

GEJALA

- ketulan pada ketiak
- ketulan atau Bengkak tidak sakit, keras dan tidak sekata
- Bengkak bahagian payudara
- Kulit jadi kedut

“Bila sudah ‘operate’ (dibedah), ada tiga ketulan dalam buah dada. Bukannya seketul. Dalam dua bulan sudah ada tiga. Bayangkan jika dibiar

lemah tidak berdaya. Anak-anak menjadi penguat semangat. Anak lelaki sulungnya berusia 14 tahun ketika itu dan anak peremuannya berumur 12 tahun memasak untuknya.

Susulan rawatan, Norhamiza semakin sihat namun perlu menanti lima tahun bagi membolehkan dirinya diisyithar bebas barah.

Norhamiza tidak pernah lokek berkongsi pengalaman melawan barah dengan masyarakat. Beberapa kali juga dijemput memberi syarahan kepada orang ramai.

“Kita jangan ingat penyakit ini sebab keturunan sahaja. Sesiapa pun boleh hidap barah ini. Oleh itu, sentiasa buat pemeriksaan kesihatan tahunan. Jika rasa ada tanda-tanda, jumpa doktor segera,” katanya.

- puting ke dalam atau sakit
- kemerahan atau berkeruping pada puting atau kulit payudara
- lelehan dari puting (kekuningan atau darah) selain susu

CARA PEMERIKSAAN

- pemeriksaan sendiri payudara
- pemeriksaan klinikal payudara
- mammogram
- ultrabunyi
- imbasan pengimejan resonans magnetik (MRI)

FAKTA KANSER PAYUDARA

- cenderung menyerang wanita
- ketumbuhan baharu terjadi di organ lain jika sel barah merebak. Ia dikenali barah sekunder atau metastasis
- tahap empat tidak boleh dirawat manakala tahap lain boleh sembah
- sebanyak 29,453 kes dalam lima tahun

FAKTOR

- usia dan keturunan
- wanita 100 kali ganda berisiko
- ada sejarah barah lain
- masalah haid

Pertembungan teori evolusi dan agamawan



Penyelidik di Universiti Teknologi Mara, DR ZAMIR MOHYEDIN seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Teori evolusi hangat diperkatakan di media sosial baru-baru ini. Ia bermula apabila seorang agamawan mencadangkan karya Manusia Sebelum Adam dan Genesis II: Sapien & Neo-Manusia diharamkan kerana karya-karya tersebut mendakwa manusia berevolusi daripada beruk.

Sebagai penulis Genesis II: Sapien & Neo-Manusia, saya tidak pernah menyatakan manusia berevolusi daripada beruk. Malah, tokoh biologi Charles Darwin sendiri tidak pernah membawa gagasan manusia berevolusi daripada beruk.

Rentetan itu, muncul pelbagai pandangan teori evolusi dan hubungannya dengan Islam. Di Malaysia tipikalnya pandangan-pandangan itu sering terarah teori evolusi dan Islam berselisih antara satu sama lain.

Perselisihan berlaku kerana Nabi Adam tidak berevolusi, tetapi dicipta – sekali gus menolak kejadian evolusi pada organisma hidup lain. Tetapi betulkah pandangan ini? Sebelum itu, mari kita berkenalan dulu dengan teori evolusi.

Fakta atau teori?

Dalam biologi, evolusi merujuk pada perubahan. Evolusi terbahagi kepada dua secara umum iaitu evolusi mikro dan evolusi makro. Mikroevolusi ialah perubahan yang berlaku di dalam spesies. Misalnya dalam spesies *H. sapiens*, perbezaan antara kita seperti warna mata, warna rambut, warna kulit, ketinggian dan pelbagai lagi merupakan evolusi mikro.

Sama juga seperti dalam kalangan kucing belaan (spesis *F. catus*). American Bobtail, Bengal, Foldex, Minskin dan lebih 70 baka kucing lain adalah contoh evolusi mikro.

Terdapat evolusi mikro tidak lazim seperti etnik Bajau Laut berupaya menyelam dalam air selama 13 minit tanpa bantuan kerana mereka berevolusi mempunyai limpa besar. Bangsa Tibet juga berevolusi sehingga membolehkan mereka hidup secara normal di kawasan tekanan udaranya rendah.

Evolusi makro pula ialah perubahan dari satu spesies

kepada satu spesies. Misalan paling dekat dengan kita ialah evolusi jagung liar (spesis *Z. diploperennis*) menjadi jagung moden (spesis *Z. mays*) yang dapat kita makan pada hari ini melalui pembenihan terpilih sejak 9,000 tahun lalu.

Kambing biri-biri (sheep) berevolusi daripada leluhur liarnya iaitu spesis *Ovis gmelini*. Pada sekitar 12,000 tahun lalu, manusia mula membela kambing liar ini untuk mendapatkan daging, susu dan kulitnya.

Pada 8,000 tahun lalu, manusia mula membiakkan kambing yang bulunya lebih lebat. Dalam populasi kambing liar, manusia hanya menjaga, membela dan membiarkan kambing yang bulunya lebat sikit berbanding kambing lain.

Perbezaan kelebatan bulu mungkin tidak begitu ketara, tetapi sekitar 3,000 tahun kemudian, spesies kambing baharu pun muncul iaitu *Ovis aries* – kambing biri-biri.

Bukan bulunya sahaja lebat, tetapi tidak bertanduk lagi. Seperti jagung moden, kambing biri-biri tidak lahir di dunia rimba, tetapi lahir hasil pembiakan terpilih oleh manusia. Evolusi juga berlaku ke atas virus seperti Covid-19 sehingga melahirkan pelbagai varian seperti Omicron, Delta, Alpha dan sebagainya.

Tuntas, kejadian evolusi fenomena benar-benar berlaku. Jika evolusi tidak terjadi, kita tidak akan dapat saksikan kewujudan haiwan ternakan dan pelbagai buahan moden hari ini. Jadi, kenapa evolusi dipanggil sebagai teori?

Perkara yang kita kena jelas adalah teori saintifik bertanggungjawab untuk menjelaskan suatu kejadian. Evolusi merupakan fenomena alam dan teori evolusi berperanan menjelaskan bagaimana evolusi berlaku.

Graviti juga fenomena alam dan teori graviti berperanan menjelaskan bagaimana graviti terjadi. Sebab itulah ada pelbagai teori evolusi seperti teori Lamarck, teori Darwin, teori Sintesis Moden, teori Neo-Lamarckism dan sebagainya.

Selagi namanya teori, ia boleh ditentang dan itulah sifat semulajadi kajian sains. Tetapi setakat ini, teori Sintesis Moden (kadangkala dipanggil teori Neo-Darwin) merupakan teori terbaik setakat ini bagi menjelaskan fenomena evolusi. Maka, teori evolusi tidak sama dengan fenomena evolusi sepetimana teori graviti tidak sama dengan fenomena graviti.

Pertembungan ajaran

Kejadian evolusi bertembung dengan ajaran Islam apabila melibatkan kejadian Nabi Adam. Dalam Islam, Adam merupakan makhluk yang tidak mengalami proses evolusi. Baginda dicipta secara langsung.

Kejadian ini tidak seperti benda hidup lain yang Tuhan cipta melalui proses evolusi. Pertembungan inilah yang menatijahkan ramai agamawan Islam di Malaysia menolak evolusi tanpa memahami konsep evolusi itu sendiri.


Malah, apabila disebut evolusi, kebanyakan mereka hanya memahami perkataan “teori Darwin”. Menolak teori Darwin bermaksud menolak keseluruhan fenomena evolusi.

Golongan ini dipanggil sebagai **Creationist** – golongan yang menolak kejadian evolusi seperti Harun Yahya dan Zakir Naik. Dengan kata lain, evolusi bukan sahaja tidak berlaku pada manusia, tetapi juga tidak berlaku pada benda hidup lain.

Agamawan Islam di Barat agak terkehadapan dan celik dalam perbahasan ini. Rata-rata mereka memahami konsep evolusi. Dalam berhadapan dengan pertembungan antara penciptaan Nabi Adam dan evolusi, kita dapat kelaskan mereka pada tiga golongan utama iaitu:

- Pengecualian Manusia – agamawan Islam yang percaya evolusi itu benar tetapi hanya berlaku pada semua benda hidup kecuali manusia seperti Yasir Qadhi dan Nazir Khan.
- Pengecualian Adam – agamawan Islam yang percaya evolusi berlaku pada semua benda hidup termasuk manusia kecuali Adam a.s. seperti Soloman Jalajel.
- Evolusionis – agamawan Islam yang percaya semua benda hidup termasuk manusia dan Adam melalui evolusi seperti Rana Dajani dan Mohamed Iqbal.

Kesimpulannya, kita boleh mengakui kejadian evolusi tanpa menafikan penciptaan Nabi Adam secara langsung seperti kita yakin persenyawaan sperma ovum berlaku untuk melahirkan manusia baharu tanpa menafikan kelahiran Nabi Isa yang lahir tanpa proses tersebut.





“Saya rugi RM15,000 dalam tiga bulan pertama sebab salah formula hasilkan cecair pencuci. Kemudian dapat formula betul hasil tunjuk ajar rakan dalam bidang ini

Laba formula wangian

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto REMY ARIFIN

Pening kepala Norazuwati Zakaria. Bermacam-macam campuran disebatkan. Namun, cubaan untuk menghasilkan formula cecair pencuci pakaian yang diidam-idamkan tidak jua menjadi.

Tidak berputus asa, usahawan berusia 35 tahun yang kurang pengalaman dalam pembuatan pencuci itu terus cuba menghasilkan menggunakan bahan yang diimport daripada Hong Kong dan Singapura.

Namun, kesilapan nisbah campuran bahan ‘glucam’, pewangi dan pemekat mengakibatkan hasilnya tidak sempurna. Sudahlah mahal mencecah RM163 sekilogram. Harga bahan pula ada naik RM25 tiap satu kilogram.

Semua itu mengakibatkan lebih separuh modal pinjaman daripada Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) lesap. Belumpun mula bermula, sebanyak RM15,000 daripada RM29,000 hilang begitu sahaja. Modal keseluruhan RM55,000.

Pencuci tidak wangi, sukar hilangkan kotoran, terlalu cair atau terlalu pekat. Hanya selepas tiga bulan, formula ditemui hasil bantuan rakan. Lahirlah jenama Alloraz sejak tahun lalu.

“Saya rugi RM15,000 dalam tiga bulan pertama sebab salah formula hasilkan cecair pencuci. Kemudian dapat formula betul hasil tunjuk ajar ‘sifu’ dalam bidang ini,” katanya kepada Selangorkini pada 12 September.

Sebelum mengasaskan cecair pencuci tersebut, anak jati Kuala Lumpur itu pernah menjadi perunding perkahwinan. Namun,

masalah jantung dan ketulan di dada pada 2018 menyebabkan tubuhnya lemah.

Bimbang faktor tekanan memudarangkan kesihatan, doktor menegah ibu dua anak itu bekerja terlalu kuat. Justeru, perniagaan terpaksa ditutup. Kenderaan pacuan empat roda juga dijual untuk melunas hutang. Lebihannya pula untuk kelangsungan hidup.

Selepas pulih daripada pembedahan pada 2019, Norazuwati memutuskan untuk mencebur perniagaan cecair pencuci. Beliau kemudian menjadi stokis sebuah syarikat pada tahun sama.

Beliau pantas mendaki kedudukan master stokis setahun kemudian. Bagi mengembangkan lagi perniagaan, usahawan itu membuat pinjaman RM5,000 daripada Hijrah. Sepanjang menjadi master stokis, Norazuwati berdikit-dikit menyimpan modal untuk membangunkan jenama sendiri.

Jual 8,000 botol

Pada 2022, Norazuwati mengasaskan syarikat yang mengeluarkan cecair pencuci pakaian jenama Alloraz, itupun selepas bertungkus-lumus mencari formula.

Beliau menghasilkan cecair pencuci meliputi tiga jenis wangian iaitu akasia, aster, azalea dan lotus. Turut dihasilkan, pewangi kenderaan. Semua produknya memasuki pasaran pada tahun sama.

Lebih 8,000 botol terjual. Wanita itu meraih lebih RM100,000 sebulan hasil jualan 150 stokis dan ejen seluruh negara. Pelanggannya terdiri daripada hotel, dobi, restoran, asrama selain

pembelian individu.

Namun, jualan memberangsangkan itu tidak kekal lama. Kos import bahan mentah dari China yang naik mendadak menyebabkan Norazuwati terpaksa menjual produknya pada harga lebih tinggi.

Jualan merudum kepada purata 4,000 botol dengan anggaran RM56,000 sebulan. Separuh keuntungan hilang. Pun begitu, beliau bersyukur masih ada pelanggan membeli cecair pencucinya.

Di sebalik cabaran itu, Norazuwati bernasib baik apabila menyertai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Mexpro (Pecutan Pasaran Untuk Produk Eksport & Runcit) berikutnya produk keluarannya berpotensi dieksport.

“Disebabkan mereka melihat perniagaan berpotensi dibawa ke pasaran eksport, saya diberi bimbingan dalam program PKNS Mexpro.

“Selain kelas bimbingan, saya jumpa ramai usahawan dan mereka ini membantu, tidak kedekut berkongsi ilmu. Banyak saya dapat belajar,” katanya.

Norazuwati turut menyertai pelbagai karnival untuk memperkenal jenama Alloraz termasuk menghadiri Hari Aspirasi Usahawan Hijrah Selangor. Bagi menajamkan kemahiran bermula, beliau juga menyertai Program Bina Bangun Usahawan (BizUp) PKNS.

Justeru, beliau yakin hasratnya untuk meluaskan lagi pasaran cecair pencuci Alloraz hingga ke Sabah dan Sarawak tercapai. Wanita itu juga memasang impian untuk melebar sayap ke pasaran antarabangsa, lebih-lebih lagi selepas menerima bimbingan banyak pihak berpengalaman.



Dato' Menteri Besar bersama Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhammad dan Manajer Umum Yayasan Obor Indonesia Kartini Nurdin (dua, kiri) menunjukkan MoU pada 27 September



Amirudin memegang buku ketiga daripada lima jilid Tan Malaka, Gerakan Kiri dan Revolusi Indonesia karya Harry A Poeze di reraui Yayasan Obor Indonesia pada 27 September



Drs Muhammad Jusuf bersama Dato' Menteri Besar membelek naskhah selepas melancarkan Tuhfat al-Nafis dan Dinamika Orang Bugis ke Johor pada Abad ke-18 pada 27 September



Amirudin merasmikan Pavillion Malaysia di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia di Pusat Konvensyen Pameran Indonesia (ICE) BSD City pada 27 September



Dato' Menteri Besar menyampaikan kuliah umum ketika program Syarahan Perdana Kosmopolitan Nusantara di Universitas Paramadina pada 25 September



Amirudin berucap di depan pelajar dan warganegara dalam Majlis Rahmah Mesra dan Sesi Dialog Bersama Diaspora Malaysia di Hotel Manhattan pada 24 September



Dato' Menteri Besar bersama pelajar dan warganegara dalam Majlis Rahmah Mesra dan Sesi Dialog Bersama Diaspora Malaysia di Hotel Manhattan pada 24 September



Dato' Menteri Besar bersama Drs Muhammad Jusuf melancarkan karya terkenal Tuhfat al-Nafis dan Dinamika Orang Bugis ke Johor pada Abad ke-18 pada 27 September

ROMBONGAN Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meneroka pelbagai bentuk kerjasama dengan beberapa agensi sepanjang lawatan kerja di Jakarta antara 25 hingga 27 September.

Beliau berkunjung ke Universitas Paramadina, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (Perpusnas), Pesta Buku Antarabangsa Indonesia selain mengadakan dialog dengan ahli perniagaan republik berkenaan.

Merasmikan Pavilion Malaysia dalam pesta buku itu, Amirudin juga melancarkan naskhah terkini Tuhfat al-Nafis bersama Wakil Presiden Indonesia ke-10 dan ke-12 Drs Muhammad Jusuf Kalla.

Rombongan itu menyertai program bersama delegasi Malaysia yang diketuai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Kumpulan institut ini disertai 26 agensi kerajaan termasuk beberapa perpustakaan negeri dan universiti Malaysia.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Yayasan Obor Indonesia dan Perpusnas. ITBM pula menjalin kerjasama dengan syarikat penerbitan terbesar republik itu Kompas Gramedia.

Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) dan Universiti Selangor (Unisel) turut menandatangani MoU dengan Universitas Paramadina pada 25 September.

Jurufoto HAFIZ OTHMAN merakam sebahagian acara menarik. Keterangan gambar disediakan HAFIZAN TAIB.



Dato' Menteri Besar bersama Pengurus STDC Mohd Nazri Noh dan Rektor Universitas Paramadina Prof Didik J Rachbini menunjukkan MoU antara STDC, Unisel dan Universitas Paramadina pada 25 September



Dato' Menteri Besar bersama Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhammad dan Kepala Perpusnas Muhammad Syarif Bando menunjukkan MoU pada 26 September



Amirudin bersama delegasi Selangor bertemu wakil Dewan Perniagaan Malaysia Indonesia (MIBC) bagi berkongsi idea untuk membuka peluang pelaburan di sebuah restoran pada 26 September



Direktur Utama Gramedia Pustaka Utama Suwandi Sadiwan Brata bersama Ketua Pegawai Eksekutif ITBM Sakri Abdullah memeterai MoU pada 29 September



Petugas STDC memberi penerangan kepada pelajar selepas program Syarahan Perdana Kosmopolitan Nusantara di Universitas Paramadina pada 25 September



Pengunjung leka memilih buku di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia di pusat konvensyen ICE pada 27 September



Amirudin bersama EXCO Keusahawanan Najwan Halimi menghayati keunikan lukisan di Perpustakaan Nasional Republik Indonesia pada 26 September



Milah nasi lemak

Oleh FARAHIN W.
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Nasi lemak lagi. Milah mengeluh. Hembusan nafasnya kedengaran mahu putus asa. Dan dia benar-benar mahu muntah. Butir nasi memandangnya dan dengan perlahan ketawa terkekeh-kekeh. Mata-mata ikan bilis terkedip-kedip – mengejek Milah dan kemudian ketawa lagi. Pandangannya kini tertancap pada merah sambal yang diam. Kau kali ini tak mahu kata apa? Sambal merenung dan tersengih-sengih. Sambil sambal tersengih-sengih, tubir mata Milah menyaksikan telur-telur terlompat-lompat dengan lidah terjelir-jelir. Menjengkelkan.

Dengan gerak perlahan, Milah menghidangkan nasi lemak (lagi) untuk suaminya. Sudin akan pulang dari kerja, bercerai dengan uniform, datang ke meja makan, memandangnya, memandang nasi lemak, memandangnya kembali. Nasi-nasi memandang Milah, ikan bilis memandang Milah, sambal memandang Milah, telur memandang Milah dan semua ketawa macam setan. Mengenang Sudin yang kecewa, Milah ikut kecewa. Dengan keluhan yang berjela-jela, Milah senduk nasi lemak ke dalam pinggan sebelum langkah Sudin kedengaran. Saya dah balik, kata Sudin. Milah kini bertukar jadi Nora Danish. Bibirnya merah melengkung, tulang pipinya menaik. Dia mendakap Sudin, memberikan ciuman dan mengiring lelaki itu ke meja makan.

Macam yang Milah bayangkan – Sudin pulang kerja, melepaskan uniform, datang ke meja makan, memandang nasi lemak – Milah – nasi lemak – Milah.

“Nasi lemak lagi?”

Milah, Milah. Milah bodoh tak pandai memasak. Hari-hari nasi lemak. Milah, hai lah Milah. Milah bodoh tak pandai memasak. Hari-hari nasi lemak. Nasi lemak menyanyi-nyanyi, mengejek Milah. Dan semakin Milah mahu lari, suara itu semakin kuat mengekor.

Kan saya dah belikan ikan? Suara Sudin ikut hadir di sela suara nasi lemak. Mana ayam semalam? Kenapa nasi lemak? Mana lauk lain? Milah, Milah. Milah bodoh tak pandai memasak. Hari-hari nasi lemak. Milah tak kata apa-apa. Setiap ekor ikan bilis yang berkoir dari tadi kini berenang di dalam perut. Binatang jahat kuat mengejek!

“Kau cubalah ikut resepi mana-mana. Kan ada banyak. Tu, kau tengok je di Facebook”, suara Leha mendesing. Di hadapannya kini ialah daging kambing berlongkeh-longkeh. Separuh nasi lemak semalam terbuang sebab Sudin dah jelak. Kau masaklah kari, cadang Leha lagi. Ikat je resepi Che Nom, kata Leha. Aziekitchen pun bagus, kata Leha. Tapi kalau kau nak aku datang rumah kau masak dengan kau pun aku okay, kata Leha.

Milah bawa pulang daging kambing, rempah kari dan santan. Bawang putih dan bawang merah ditumis sebelum rempah kari menaikkan aroma. Gigi Milah berbaris di hadapan dan matanya bersinar-sinar. Milah basuh beras sambil mendandangkan Gurindam Jiwa dan menunggu semuanya sedia. Sudin pasti sukakan kari kambing. Sudin akan rangkul tubuhnya dari

belakang, membela pipi Milah dan berpuas hati dengan kerja Milah hari ini.

“Saya dah balik”

Milah hampir terlompat mendengar suara kekasih. Dia tidak sabar mahu menyaksikan senyuman Sudin saat pertama kali mengunyah daging kambing. Milah buka periuk nasi. Jantungnya berlari dan jemarinya bergetar. Serasa seluruh alam kini sedang menyaksikan butir-butir nasi tidak tercemar dengan masin santan. Periuk nasi dibuka dan aromanya ialah kepulan awan yang tersandar di dinding dapur. Rumahnya – pentas orkestra, Milah, Milah. Milah bodoh tak pandai memasak. Hari-hari nasi lemak. Milah, hai lah Milah. Milah bodoh tak pandai memasak. Hari-hari nasi lemak.

Di dadanya – puting beliung mengamuk. Jantungnya bergoncang, hati dan ususnya terbelit, ketat dan tak boleh lagi dileraikan. Nasi lemak berpusing keliling kepala. Kepala Sudin nasi lemak. Mata Sudin dua butir telur. Hidung Sudin ikan bilis dan mulutnya, sambal meleleh. Kari kambing tak ada!

Milah lari ke bilik. Merenung wajahnya di hadapan cermin. Ini sumpahan! Betul-betul sebuah sumpahan! Milah buka almari, kain, baju dikeronyok ke dalam beg lalu berlari keluar dari rumah. Selamat tinggal, Sudin. Selamat tinggal!

Perjalanan Milah diiringi tangisan dari langit. Berjujuran macam air matanya yang berbutir-butir macam nasi lemak. Milah menghitung-hitung dosanya sambil mata tertutup dan wajah menadah hujan. Hujan sejuk, sejuk lagi hati Milah. Kehangatan tubuh Sudin yang membela saban malam tak mungkin lagi Milah rasakan. Parau suara Sudin kini cuma muncul dari dalam laci-laci memori yang Milah mahu tutup, kuncinya mahu dilempar jauh-jauh dari kocek ingatan. Kasar tangan, hembusan nafas di telinga,



lembut bibir dan harum tubuh Sudin ikut terkubur bersama kenangan lima tahun percintaan. Nisannya berwarna putih, berbutir-butir dengan sambal merah dan ekor-ekor ikan bilis jadi kerikil kuburan. Tangisan Milah tak henti-henti diselang-seli dengan nyanyian mengejek nasi lemak yang terloncat-loncat di atas tar.

Bertahun lamanya mengenang cinta yang basi, Milah menikah lagi. Air mata Milah ikut mengering dan mekar sayang, kasih mula mewangi. Milah menyayangi Hassan kerana Hassan selalu mendamaikan. Setidaknya, itu – dua bulan perkahwinan, mereka selalu rindu dan mesra. Milah pandai memasak kata Hassan. Dan kata-kata Hassan buat Milah rasakan bahawa di dapurlah kelak dia disemadikan. Tempat Milah memang di dapur, menumis, mengoreng, merebus dan mencuba setiap resipi baru untuk Hassan. Hassan akan makan kenyang-kenyang dan memeluk Milah sambil berbisik kalau masakan Milahlah yang paling unggul. Macam mahu terbang Milah rasa.

Suatu hari, Hassan pulang dengan sebungkus lauk. Milah pandang Hassan lama sebelum dua bibirnya bercerai. Abang beli lauk? Kata Milah. Milah dah masak – tambahnya.

“Awak masak apa? Nasi lemak?”

Perut Milah berkeroncong. Mata ikan bilis tiba-tiba celik dan menyerengai. Dinding dapur terpercik dengan sambal tumis dan kini semuanya merah belaka. Butir-butir nasi berbaris panjang sebelum semuanya tersengih-sengih merenung Milah. Milah lari. Milah lari!

Berlarilah Milah keluar dari rumah sambil menunggu bala tiba dan meragut nyawanya. Sesudah Sudin, Hassan dia tinggalkan dan entah berapa ramai lagi kekasih hati bakal dia korbankan. Air mata Milah tumpah – mengalir deras macam santan, hai lah Milah. Melaralah jiwa Milah saban hari. Menolak semua lelaki yang mahu menikahi.

“Usahlah kau fikirkan apa-apa, Milah. Kau tahu apa yang kau perlukan? Seorang lelaki yang boleh memasak”

Mendengar nasihat Leha, Milah setuju bernikah lagi. Hamid memujuknya sambil berkata – saya boleh masak. Untuk awak, saya boleh memasak. Berbahagialah Milah mahu bersama Hamid. Orangnya tak sasa macam Sudin, tak kacak macam Hassan, tapi setiap yang dia bisikkan manis belaka.

Setidaknya, itu – dua bulan perkahwinan. Suatu hari, pulang dari warung, Milah bawa asam pedas ikan pari. Awak beli lauk? Kata Hamid. Saya dah masak, tambahnya lagi.

“Awak masak apa? Kari ayam?”

Peha ayam berdiri, kentang-kentang bergelek-gelek, dan lobak mula berputar keliling Hamid. Semuanya mengilai-ngilai dengan mata terjegil merenung Hamid. Mereka ketawa. Menangis. Ketawa, menangis, kemudian mengejek Hamid. Hamid, hai lah Hamid.

Akui hanyut di puncak

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Hanyut dilanda arus populariti. Itu pengakuan penyanyi Faizal Tahir yang tidak menyangkal kritikan seolah-olah lupa diri pada awal kemunculannya. Kontroversi menanggalkan baju dalam persembahan dengan logo 'Superman' yang dicacah badannya dalam konsert televisyen pada 2008 menyebabkan seluruh negara tersentak.

Akibatnya, dia dilarang membuat persembahan oleh stesen televisyen swasta selama beberapa bulan sehingga terlepas peluang bersaing dalam Anugerah Juara Lagu tahun itu.

Ketika itu, lagu Mahakarya Cinta dendangannya meledak. Ia kerap dimainkan di corong radio selain menjadi siulan generasi muda. Popularitinya menjulang dan peminat memberi julukan Superman kepada Faizal.

Pemilik nama penuh Ahmad Faizal Muhammad Tahir, 44, mengakui pengalaman itu telah mengajarnya supaya lebih matang dan sentiasa beringat.

"Saya kena akui, memang awal-awal bergelar anak seni adakalanya saya hanyut. Waktu itu saya muda dan ramai peminat. Kononnya yang paling rock star."

"Bila sudah makin mendewasa, saya faham yang kita perlu ada rasa rendah diri. Saya masih di sini hari ini pun kerana sokongan dan juga kritikan yang saya terima."

"Bila lihat kerjaya saya semula. Betul, saya pernah buat kesilapan, pernah kena 'gam' buat benda yang salah. Saya belajar daripada semua pengalaman itu dan bersyukur kerana saya



Saya kena akui, memang awal-awal bergelar anak seni adakalanya saya hanyut. Waktu itu saya muda dan ramai peminat. Kononnya yang paling rock star

diberikan sistem sokongan yang kuat," katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Perubahan muzik

Belajar daripada kesilapan, Faizal bangkit dan mengembangkan bakat dalam tempoh sedekad selepas kontroversi melanda.

Menerusi lima album, penyanyi itu mempunyai deretan lagu-lagu malar segar seperti Sampai Syurga, Sejati, Sayang, Gemuruh, Assalamualaikum, Ragaman dan Santai.

Namun, Faizal mengakui perubahan usia telah membawanya kepada suatu fasa kematangan yang tercermin menerusi lagu yang dihasilkannya.

"Lagu ciptaan saya belakangan ini berubah. Sekarang saya banyak hasilkan lagu dengan nyanyian yang lebih santai. Waktu Ragaman keluar, ramai yang mempertikaikan muzik saya."

"Saya tak rasa diri saya sesuai menyanyikan lagu berunsur cinta, jiwang. Saya pun tak rasa isteri suka, nanti dia fikir saya buat lagu ini untuk siapa pula," katanya.

Mengakui pernah terfikir untuk bersara daripada bidang nyanyian pada 2018, isterinya bagaimanapun menasihati anak kelahiran Kuala Lumpur itu untuk terus berkarya agar boleh berkongsi kebaikan kepada semua.

"Keluarga saya yang akan menentukan jenis lagu yang akan saya hasilkan. Saya tidak boleh seratus peratus ada masa bersama mereka. Jadi saya hasilkan lagu yang boleh anak saya kaitkan. Lebih ringan, ada unsur nasihat dan santai."

"Isteri saya menjadi antara individu yang kuat memberikan saya sokongan. Dia kata, selagi mana nyanyian saya boleh beri kebaikan kepada orang lain, saya tidak patut halang," tambahnya.

Hadiah konsert

Faizal Tahir baru mengadakan konsert pertamanya, Aku Faizal Tahir Live in Kuala Lumpur pada awal September lalu.

Namun ia mengundang kritikan apabila ramai yang mendakwa harga tiket serendah RM488 disifatkan sebagai mahal berbanding dengan harga tiket

selebriti lain sebelum ini.

Tidak cepat melatah dengan kritikan, Faizal mendedahkan mempunyai hajat untuk mengadakan konsert besar-besaran secara percuma buat semua peminatnya sebelum bersara.

"Saya ada impian sebelum bersara nak beri satu konsert percuma. Saya tahu tidak mudah tapi kalau niat baik insya-Allah semua akan dipermudah."

"Tapi takut juga kalau jalan sesak atau ada orang merusuh pula. Banyak benda perlu dipertimbangkan. Jadi atau tidak impian itu, saya serahkan kepada takdir tapi niat itu sudah ada," tambahnya.



Corak undi Melayu

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Dalam siri pilihan raya umum (PRU), antara 2008 hingga 2018, Pakatan Harapan (HARAPAN) mempunyai rakan sekutu daripada parti Melayu tetapi pilihan raya 2022 tiada lagi sokongan seperti ini.

Susulan keputusan 19 November lalu, datang pula kerjasama baharu HARAPAN dengan Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya di enam negeri (PRN) termasuk Selangor yang menyaksikan arah aliran pengundian berbeza.

Apakah kesan trend pengundian PRN ini akan mempengaruhi 72 peratus Melayu pada pilihan raya kecil Pelangai 7 Oktober ini?

Badan penyelidik bebas Ilham Centre mencapai satu rumusan bagaimana persaingan besar antara HARAPAN-BN, yang membentuk Kerajaan Perpaduan kecuali di empat negeri, dengan seterusnya Perikatan Nasional (PN).

Hasil keputusan PRN pada 12 Ogos, Ketua Penyelidiknya Prof Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim berpandangan HARAPAN-BN berpotensi menang di kerusi yang mempunyai pengundi Melayu kurang daripada 65 peratus. PN pula lebih berpeluang menang di kerusi berpengundi Melayu 65 peratus dan ke atas.

“Dalam wacana pasca-PRN, saya tekankan tentang ‘hukum 65 peratus’, hukum logik untuk membina hipotesis awal pilihan raya mutakhir ini kerana pola pengundian sangat banyak dipengaruhi oleh pemboleh ubah etnik,” katanya di Facebook hujung Ogos.

Bagaimanapun beberapa kerusi di enam negeri tersebut masih ada kekecualian. Antaranya, Ijok dan Bukit Melawati di Selangor, Sungai Bakap dan Bertam (Pulau Pinang) dan Lunas serta Kulim (Kedah).

Atas faktor trend pengundian inilah, PN gagal merampas Selangor yang dikuasai HARAPAN sejak 15 tahun lalu.



Dalam satu wawancara ahli akademik Universiti Malaysia Terengganu itu ketika PRN sedang berlangsung, beliau tidak menjangka PN boleh merampas tiga negeri yang sudah dikuasai HARAPAN termasuk Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

“Sejauh mana kemampuan PN merampas Selangor dan Negeri Sembilan bergantung kepada sebanyak mana mereka mampu meraih sokongan Melayu. Contohnya Selangor, hanya sekitar 54 peratus pengundi Melayu, selebihnya bukan Melayu khususnya Cina dan India.

“Pada masa sama, ada sekitar 30 daripada 56 kerusi dewan undangan negeri (DUN) majoriti pengundi Melayu melebihi 60 peratus. Dengan jangkaan mendapat undi sangat minimum daripada bukan Melayu, PN perlu mendapat sekurang-kurangnya 75 peratus undi Melayu untuk merampas Selangor.

“Jika tidak mencapai undi Melayu setinggi itu, PN belum berpeluang merampas Selangor,” kata Dr Mohd Yusri kepada Berita Harian pada 6 Ogos.

BN hilang sokongan

Dalam pembentangan analisa PRN enam negeri di Universiti Malaya pada 25 Ogos, beliau menunjukkan 81.1 peratus kerusi dimenangi HARAPAN di kerusi kurang 65 peratus Melayu.

PN hanya berjaya menguasai 19.8 peratus kerusi dengan komposisi pengundi seumpama itu tetapi menang 80.2 peratus di kerusi yang Melayunya lebih 65 peratus (lihat jadual 1).

Pada PRU 2022, di Selangor sahaja, PN berjaya menguasai undi di 14 kerusi, HARAPAN dan BN pula masing-masing meraih sokongan di 40 dan dua kerusi. Seperti 2018, PRU tahun lalu masih lagi persaingan tiga penjurui. Pengundi BN masih bersama calon mereka.

Namun apabila wujud kerjasama baharu HARAPAN-BN dalam persaingan dua penjurui

di PRN enam negeri, trend itu tidak selalunya menguntungkan calon Kerajaan Perpaduan.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre Hisommudin Bakar berpandangan corak pengundian menyokong Umno yang sudah mula memihak kepada PN pada 2022 semakin memihak kepada gabungan PAS dan Bersatu pada PRN.

Daripada 10 pengundi BN yang ditemui bual sebelum hari mengundi, kira-kira 60 peratus bercadang menyokong PN atau tidak keluar mengundi walaupun calonnya daripada parti tersebut.

Jika calonnya HARAPAN, tambahnya, 70 peratus pengundi BN mahu menyokong PN atau tidak keluar mengundi atas beberapa sebab. Hanya 30 peratus bersedia menyokong HARAPAN. (lihat jadual 2)

“Bagi pengundi HARAPAN, mereka boleh terima (calon BN) untuk memastikan PN tidak menang. Mereka menyatakan secara terbuka sebab takut calon PN menang,” kata ketika membentang dapatan di Universiti Malaya.

Hisommudin menyenaraikan sejumlah faktor termasuk masalah dalaman Umno, sikap terhadap DAP dan juga kesan positif kepada PAS sewaktu Muafakat Nasional, kerjasama rasmi dua parti Melayu itu sejak September 2019 tetapi terbengkalai menjelang PRU 2022.

Di kerusi Melayu, BN hilang sokongan daripada anak muda, peneroka Felda, penduduk kampung tradisi, penjawat awam dan pengundi tegar parti itu sendiri.


“Pengundi muda Melayu termasuk anak ahli Umno menyokong PN. Majoriti besar PN disumbang daripada segmen (pengundi) ini,” simpulnya dalam Wacana Pasca Pilihan Raya Umum Negeri 2023.

“Anak muda Melayu masih belum celik politik dan demokrasi. Lebih dipengaruhi oleh trend di media sosial dan pengaruh rakan sebaya.”

Buat pertama kali sejak PRN Johor pada Mac 2022, pemilih seawal 18 hingga 20 tahun dapat menentukan wakil rakyat.

Jadual 1 Peratusan kerusi dimenangi

Negeri	Parti	Melayu kurang 65 %	Melayu lebih 65 %
Selangor	PH+BN PN	91 9	17 83
Kedah	PH+BN PN	37.5 62.5	0 100
Negeri Sembilan	PH+BN PN	100 0	75 25
Pulau Pinang	PH+BN PN	96 4	23 77
Terengganu	PH+BN PN	- -	0 100
Kelantan	PH+BN PN	- -	4 96
Keseluruhan	PH+BN PN	81.1 18.9	19.8 80.2



Jadual 2 Peratusan undi Melayu

Negeri	Parti	Undi popular Melayu
Selangor	PH+BN PN	39 61
Kedah	PH+BN PN	19 81
Negeri Sembilan	PH+BN PN	51 49
Pulau Pinang	PH+BN PN	42 58
Terengganu	PH+BN PN	32 68
Kelantan	PH+BN PN	31 69
Keseluruhan	PH+BN PN	34 66

Sumber Ilham Centre



PRIHATIN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan bantuan e-Kasih kepada Mohd Shahrizal Khamis bagi bantuan katil dan kerusi luncur bernilai RM3,300 ketika Majlis Ramah Mesra Madani di Universiti Teknologi Petronas, Perak pada 1 Oktober. Foto BERNAMA

Subsidi RM400 juta beli beras import

Tingkat bekalan dalam pasaran

SHAH ALAM - Subsidi hampir RM400 juta disalur kepada premis kerajaan untuk mereka menggunakan beras import seterusnya membantu meningkatkan beras putih tempatan dalam pasaran tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan langkah melibatkan kem tentera, polis dan asrama sekolah meningkatkan bekalan tempatan kira-kira lima peratus, lapor Bernama.

Menyatakan jumlah itu bersamaan penggunaan di premis kerajaan, beliau berkata beras tempatan tidak cukup kerana harga beras import naik sedangkan ada premis menggunakan beras

tempatan.

"Lima peratus penggunaan ini (premis kerajaan), kita beri subsidi beli beras import supaya lima peratus boleh dipulangkan, berada lebih di pasaran."

"Keputusan ini (premis kerajaan) beli hanya beras import. Berapa subsidi? Hampir RM400 juta, kerana ia bukan percuma," katanya dalam Karnival Segalanya Felda di Bentong, Pahang pada 2 Oktober.

Pada 28 September, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu mencadangkan premis kerajaan menggunakan beras import bersubsidi supaya lebih banyak

beras tempatan di pasaran.

Anwar juga menjelaskan masalah kekurangan beras dan kenaikan harga beras import antara lain berpunca daripada keputusan 18 negara yang menghalang atau mengehad eksport beras.

Beliau turut mengingatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) supaya benar-benar aktif dalam menghantar bekalan beras ke kawasan yang terjejas bekalan.

"Apabila dengar ada tempat kurang beras, mereka kena hantar. Kalau perlu, Kementerian Kewangan akan tambah peruntukan untuk bawa beras ini. Kita bayar kepada Fama," katanya.

Tindakan tegas jika sorok beras

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran keras kepada mana-mana pihak yang didapati menyorokkan bekalan beras untuk diheret ke mahkamah.

Beliau juga telah memberi arahan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu supaya memastikan penguatkuasaan dan mengambil tindakan kepada pesalah.

"Kalau ada yang berani buat perangai buruk ini saat orang susah hendak

dapatkan beras, kamu juga, kami akan cari dan saman dan bawa kamu ke mahkamah," katanya seperti dilapor Bernama.

Anwar juga menjelaskan masalah sama termasuk kenaikan harga juga dihadapi penduduk Indonesia berikut 18 negara yang membekal bahan itu menghenti atau mengurangkan eksport mereka.

Beliau yang juga pengurus Pakatan Harapan berucap demikian dalam ceramah di Dataran Simpang Pelan-

gai sempena pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pelangai di Bentong pada 2 Oktober.

Anwar menegaskan kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu bekalan beras tetapi beliau mengakui masalah tersebut memerlukan sedikit masa untuk diselesaikan sepenuhnya.

"Apakah boleh selesai 100 peratus? Tidak, beras ini isu, masalah berat, jadi saya kata beri seminggu tengok keadaan dia, kalau tak selesai lagi, kita bincang semula," katanya.

Teruskan bantuan haji bersasar

SHAH ALAM - Bantuan kewangan haji bersasar diteruskan pada tahun depan untuk kelompok jemaah berpendapatan rendah dan sederhana, kata Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau menjelaskan mekanisme tersebut paling berkesan bagi mengurangkan tanggungan yang perlu dibiayai Lembaga Tabung Haji (TH) setiap tahun, lapor Berita Harian.

Katanya, kaedah tersebut juga wajar bagi memastikan kelestarian TH terutama dalam melindungi kepentingan sembilan juta pendeposit membabitkan agihan keuntungan.

"Jika kita tidak laksanakan subsidi bersasar, ia menjasarkan agihan keuntungan yang munasabah kepada pendeposit. Jadi kita tidak boleh beri bantuan kewangan haji kepada semua," katanya.

90 peratus tandas sekolah siap dibaiki

SHAH ALAM - Sebanyak 7,544 atau 90.3 peratus projek penyelenggaraan kecil Kementerian Pendidikan dalam proses dan siap dilaksanakan setakat 22 September.

Menurut Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, tandas 8,354 sekolah diselenggara menerusi peruntukan RM630.77 juta mulai pertengahan Julai, lapor Bernama.

"Baki 810 atau 9.7 peratus projek dalam peringkat akhir perolehan. Projek selenggara ini dijangka siap pada penghujung Oktober 2023," menurut kenyataan pada 27 September.

Inisiatif itu selaras hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu memastikan tandas bersih dan selamat demi keselesaan lebih lima juta pelajar dan 409,161 guru di negara ini.

Kes Benggi diunjur naik mendadak

SHAH ALAM - Kes demam benggi dijangka naik mendadak akhir tahun ini berdasarkan trend sejak 10 tahun lalu, kata Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Dr Wan Ming Keong.

Beliau menjelaskan corak tersebut berada di kemuncak setiap empat atau lima tahun dipercayai akibat perubahan serotaip virus yang dominan di sesbuah kawasan, lapor Bernama.

"Kemuncak terakhir yang dilaporkan pada 2019. Sebab itu, kita jangka hujung tahun ini atau tahun depan kes akan kemuncak lagi. Faktor penyumbang ialah perubahan serotaip virus."

Menjelaskan mengapa ada empat serotaip, beliau menambah kes meningkat kerana serotaip yang dominan di sesuatu lokasi bertukar kepada serotaip lain.

"Kes meningkat kerana sistem imun penduduk setempat terhadap serotaip baru masih rendah, menyebabkan mereka senang dijangkiti," katanya.

Biaya caruman suri rumah

SHAH ALAM - Seramai 188,102 suri rumah mencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) setakat 24 September, kata Menteri Sumber Manusia V Sivakumar.

Beliau berkata jumlah itu merangkumi 166,666 suri rumah keluarga berpendapatan rendah yang carumannya dibiayai kerajaan, selebihnya iaitu 21,436 caruman sukarela, lapor Bernama.

"Mengikut pecahan negeri, seramai 6,636 pencarum SKSSR direkod di Pahang," katanya ketika merasmikan Karnival Kerjaya MyFutureJobs di Felda Chemomoi di sini pada 30 September.

Karnival itu ketiga selepas Pulau Pinang dan Selangor yang menyediakan 1,168 peluang kerja menerusi 18 majikan meliputi sektor pembuatan, perkhidmatan, kewangan dan insurans.

Kementerian waspada penyakit X

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan sentiasa berwaspada bagi menghadapi kemungkinan kemunculan penyakit X di negara ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Meminta orang ramai tidak terlalu bimbang, beliau berkata penyakit itu belum menjadi fokus Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-76 baru-baru ini, lapor Bernama.

"Kami juga berkeyakinan boleh menanganinya dengan berkesan berdasarkan pengalaman dengan wabak sebelum ini seperti Covid-19, virus Nipah, SARS, dan MERS-CoV," katanya.

X adalah nama penyakit yang dicipta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2018 untuk sejenis patogen yang tidak diketahui tetapi berpotensi menyebabkan wabak di seluruh dunia.

Tambah lorong atasi nahas motor

SHAH ALAM - Penambahan dan penyeleggaraan lorong motosikal perlu diberi tumpuan bagi mengurangkan risiko melibatkan penunggang motosikal, kumpulan tertinggi nahas jalan raya saban tahun.

Pensyarah Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia berkata 4,101 daripada 6,080 kematian pada 2022 melibatkan penunggang motosikal.

Prof Dr Kulanthayan KC Mani menjelaskan Malaysia negara pertama di dunia memperkenal lorong motosikal tetapi tidak menambah lagi kemudahan tersebut, lapor Bernama.

"Kalau kerajaan boleh beri tumpuan dan penekanan untuk tambah lorong motosikal di tempat yang ada permintaan tinggi, kita boleh kurangkan kemalangan," katanya pada 29 September.

Tidak cadang teroka nadir bumi

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor tidak bercadang meneroka unsur nadir bumi (REE) sebagai sumber pendapatan negeri meskipun memiliki unsur berkenaan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan keputusan itu selaras dasar pentadbiran negeri sejak 2016.

"Kita konsisten tiada niat untuk meneroka REE walaupun dimaklumkan terdapat unsur itu di Selangor.

"Kalau nak teroka, kena buat tatacara operasi piawai (SOP). Sekarang teroka pun tidak, kalau ada percubaan kita

akan ambil tindakan wajar," katanya dalam sidang media pada 4 Oktober.

Pada 4 Oktober, menteri sumber asli berkata Kerajaan Negeri kini dibenarkan membuat penerokaan awal REE mengikut SOP sedia ada untuk perlombongan nadir bumi dan mineral.

Menurut Nik Nazmi Nik Ahmad, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) pada 3 Oktober.

"Jawatankuasa ini juga akan melihat

keperluan dalam melaksanakan rangka kerja kebangsaan bagi pembangunan industri mineral, contohnya bagi tujuan pengekstrakan REE.

"Bagi menyahut ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), kerajaan negeri dibenarkan melaksanakan eksplorasi awal REE berdasarkan SOP NR-REE (REE tanpa radioaktif) dan dasar mineral sedia ada," katanya.

Sedia laksana semula PdPR

Tutup sekolah jika IPU cecah 200

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan mengarahkan semua pengurusan sekolah supaya menghentikan kegiatan luar bilik darjah jika bacaan indeks pencemaran udara (IPU) melebihi angka 100.

Berdasarkan garis panduan pada 3 Oktober, kementerian turut menyaran supaya kegiatan keramaian atau sukan luar bangunan ditangguh demi menjamin kesihatan pelajar.

Sekolah yang berada dalam kawasan atau daerah mencatat bacaan IPU lebih 200 pula diarah tutup serta-merta dan hanya dibuka apabila bacaan bawah angka tersebut, lapor Bernama.

"Jika trend bacaan menunjukkan pengurangan IPU bawah 200, tindakan bolehlah diambil sebagai persediaan untuk pembukaan semula sekolah," menurut kenyataan di Facebook.

Pengetua atau guru besar perlu memastikan guru membuat tugasan

sejawarnya di sekolah ketika sekolah ditutup. Namun, guru dan kakitangan tidak perlu ke sekolah jika bacaan lebih 500.

"Sekolah hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan semasa melalui media mengenai fenomena jerebu di kawasan atau daerah masing-masing supaya mudah untuk mengambil tindakan," katanya.

Kementerian juga menasihati pelajar memakai pelitup muka dan minum air dengan kerap manakala ibu bapa yang bimbang kesihatan anak dibenar tidak menghantar anak ke sekolah.

"Sekolah hendaklah merujuk murid yang tidak sihat kepada ibu bapa atau penjaga dengan segera. Semua jenis peperiksaan termasuk peperiksaan awam hendaklah diteruskan," kata


kenyataan.

Sementara itu, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) hanya akan dilaksanakan apabila sekolah ditutup dan bacaan IPU melebihi 200, kata menteri pendidikan.

Fadhlina Sidek berkata pihak sekolah diminta untuk sentiasa memantau bacaan IPU sebelum membuat sebarang tindakan.

"Kita minta semua sekolah pantau bacaan IPU dari semasa ke semasa dan patuhi garis panduan dan arahan yang berkaitan dengan keselamatan cuaca... kita sudah ada pengalaman ini dan kita teruskan sahaja, tiada masalah," katanya.

Pada 2 Oktober, Fadhlina meminta agar pihak sekolah mematuhi garis panduan yang disediakan, antara lain menetapkan tiada aktiviti luar boleh dilaksanakan sekiranya bacaan IPU melebihi 100 berikut beberapa kawasan di negara ini dilanda jerebu.



Tiada aduan bekalan beras kurang

KUALA LANGAT - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Selangor tidak menerima sebarang aduan berhubung kekurangan bekalan beras.

Pengaruhnya Mohd Zuhairi Mat Radey berkata kebanyakan penduduk di negeri ini cakna terhadap isu semasa dan mengetahui punca sebenar masalah tersebut.

"Tidak ada aduan di Selangor sebab rakyat Selangor sedar ini bukan masalah tempatan tetapi masalah dunia."

"Bekalan beras sebelum ini dari In-

dia dan Thailand disekat, jadi wujud lebihan permintaan. Ia menyebabkan masalah itu berlaku," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pelancaran Juilan Ehsan Rahmah bersama Segi Fresh yang disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di Teluk Panglima Garang di sini pada 30 September.

Mohd Zuhairi menambah pihaknya memantau setiap hari bagi memastikan bekalan beras mencukupi dan pematuhan harga oleh peniaga.



Menurutnya, pihaknya juga membantu peniaga mendapatkan bekalan beras daripada rantaian menerusi kerjasama rapat dengan Kawalselia Padi dan Beras Malaysia.

Pada 21 September, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan stok beras putih tempatan (BPT) cukup untuk memenuhi keperluan rakyat Selangor sebanyak 45,500 tan metrik sebulan.

Menurutnya bekalan tersebut cukup sehingga akhir tahun ini dan bertambah stabil pada bulan depan berikutan pengeluaran padi di utara semenanjung dan Selangor mula diutai.



BAHARU... Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang Noraini Roslan (kanan) mendengar taklimat daripada Pengarah Urusan KDEB Waste Management Dato' Ramli Mohd Tahir (tengah) dalam majlis serahan 71 lori pemampat di Kompleks Sukan Pandamaran, Klang pada 29 September. Foto Facebook Majlis Perbandaran Klang

MBPJ, MPHS meterai kerjasama

Laksana program bandar mampan

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi menjayakan program bandar persahabatan.

Datuk bandar Petaling Jaya berkata kerjasama itu memberi peluang kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan itu untuk mengadakan program persahabatan bandar meliputi pelbagai bidang.

"MoU ini selaras aspirasi MBPJ mewu-

judkan bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan selain meningkatkan prestasi MBPJ menerusi penyertaan masyarakat.

"Ia termasuk rakan perkongsian yang inklusif dan amalan terbaik bagi memberi perkhidmatan terbaik untuk kesejahteraan rakyat," kata Mohamad Azhan Md Amir.

MoU itu ditandatangani Azhan bagi pihak MBPJ manakala MPHS diwakili Yang Dipertuanya Mohd Hasry Nor Mohd pada 25 September.

Program bandar persahabatan membabitkan pelan strategik bandar raya

mampan, tadbir urus baik, kompetensi warga kerja, kepimpinan pelajar, komuniti dan badan bukan kerajaan.

Selain itu, keusahawanan dan ekonomi, kesenian, kebudayaan dan pelancongan, inovasi dan kreativiti serta hal ehwal lain dipersetujui bersama.

Sejak 2013, MBPJ melaksanakan program bandar persahabatan dengan beberapa bandar merangkumi Asan City dan SeongBuk Gu, Korea Selatan; Kota Bandung, Indonesia dan Qinyuan City, China.

Bandar lain termasuk Miyoshi Town, Jepun dan Kuala Terengganu, Malaysia.

RM249.8 juta untuk pembangunan

SEPANG - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) meluluskan perbelanjaan RM249.8 juta tahun hadapan untuk menjayakan pelbagai program dan pembangunan di daerah berkenaan.

Yang Dipertuanya Dato' Abd Hamid Hussain menjelaskan jumlah tersebut selari ketetapan pentadbiran negeri yang memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama termasuk pembugaran ekonomi.

Beliau berkata belanjawan itu juga mengambil kira prestasi pencapaian pada 2022 dan separuh penggal pertama 2023 dalam memastikan dasar dan strategi MPSepang dilaksana sepenuhnya.

"Kita menyediakan bajet defisit tahun depan RM249.8 juta bagi projek pembangunan dan pengurusan dengan anggaran hasil RM202 juta," katanya dalam mesyuarat penuh pada 27 September.

Abd Hamid berkata tujuh strategi utama digariskan dalam belanjawan termasuk mempelbagai punca pendapatan dengan menambah hasil baharu dan sedia ada selain perbelanjaan berhemah.

"Kita juga meningkatkan kebolehcapaian pelanggan melalui penambahbaikan komunikasi teknologi maklumat, memperkasa program kemasyarakatan dan kebaikan," kata beliau lagi.

Kutip 75kg sampah di Pantai Morib

SHAH ALAM - Sebanyak 75 kilogram sampah di Pantai Morib, Kuala Langat dikutip dalam program Pembersihan Pantai Bersama Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah pada 23 September.

Mengikut Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), sisa tersebut antaranya barang plastik seperti pembungkus makanan, botol, penyedut minuman, lampin bayi, gabus dan puntung rokok.

Menurut kenyataan di Facebook lagi, semua pihak termasuk pengunjung destinasi itu diseru supaya menghargai persekitaran alam dengan tidak membuang sampah merata-rata di pesisir pantai.

Program kali keenam sejak 2017 antara cetusan Tengku Zatashah bagi memelihara alam sekitar.

Sedia anggota, aset hadapi banjir

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bersiap sedia dengan keanggotaan dan persiapan aset bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir di kawasan pentadbirannya hujung tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman berkata Skuad Pasukan Tindakan Segera (Pantas) kini beroperasi 24 jam setiap hari dan sedia digerakkan ke kawasan berisiko bah.

Beliau memaklumkan MBSA turut meletakkan 145 kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi tumpuan yang dihubungkan dengan pusat kawalan operasi bagi memantau banjir dan pembuangan sampah haram.

"Ini menjadikan keseluruhan 445 CCTV selain 50 daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Bagi kelengkapan aset, kita tambah dua bot sebagai persediaan," katanya pada 26 September.

Van bergerak bantu penduduk

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) membuka kaunter van bergerak setiap Sabtu dan Ahad sepanjang bulan ini bagi memudahkan penduduk menjelaskan cukai taksiran.

Yang Dipertuanya Noraini Roslan memaklumkan kaunter tersebut dibuka di Panggupi Bukit Raja 2, Bukit Raja pada 7 dan 8 Oktober dari 9 pagi hingga 1 tengah hari.

Katanya, kaunter sama dibuka di Panggupi Seri Proton, Taman Maznah (14-15 Oktober) dan Amazing Height, Sungai Udang (28-29 Oktober).

Orang awam juga boleh membuat semakan dan pembayaran cukai taksiran dalam talian dengan melayari pautan ipay.mpklang.gov.my

Pelanggan juga boleh memperbaharui lesen perniagaan, industri dan iklan 2024 dalam talian sehingga 31 Disember ini menerusi ilesen.mpklang.gov.my

Terap sifat Rasul, jadi insan berkualiti

SHAH ALAM - Mana-mana pemimpin harus menerapkan empat sifat wajib Rasulullah SAW bagi menjadi individu berkualiti, kata Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim.

Beliau menegaskan amalan siddiq, amanah, tabligh dan fatonah antara asas penting dalam diri pemimpin sekali gus keperibadian sedemikian membentuk masyarakat lebih baik.

Katanya, pemimpin berkualiti adalah individu yang sentiasa memberi penekanan kepada nilai tambah empat sifat tersebut.

"Keperibadian unggul Baginda perlu dijadikan ikon pemimpin berperibadi tinggi, yang relevan sepanjang zaman," katanya dalam sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri pada 28 September.

Lantik 1,878 ketua, penolong amil

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik 1,878 ketua dan penolong amil kariah di seluruh negeri ini bagi sesi pentadbiran 2023 hingga 2025.

Simbolik pelantikan tersebut disempurnakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS Dato' Setia Mohd Tamyes Abdul Wahid dalam Bengkel Induksi Gerak Kerja Penolong Amil Kariah pada 29 September.

Menurut kenyataan di Facebook, bengkel yang berlangsung dua hari itu dihadiri seramai 108 penolong amil kariah daerah Petaling melibatkan 76 masjid kariah.

"Mereka diberi pendedahan dan pemahaman berkaitan peranan membantu LZS menjalankan aktiviti siasatan, bancian serta semakan permohonan bagi asnaf fakir, miskin, mualaf dan gharimin," katanya.

Bantu 10 keluarga mangsa ribut

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menghulur bantuan kepada 10 keluarga yang berlindung di pusat pemindahan sementara akibat ribut di Kampung Sesapan Batu Rembau, Beranang baru-baru ini.

Mereka menerima sumbangan kotak makanan sebagai permulaan selain bantuan susulan selepas melengkapkan dokumen tertentu.

"Team Operasi Agihan Asnaf Hulu Langat tampil menyantuni golongan yang ditimpa musibah ini. Seramai 10 keluarga diberi sumbangan berupa kotak makanan sebagai permulaan.

"Umumnya, mangsa ribut akan disantuni dengan bantuan susulan setelah menerima dokumen yang lengkap daripada Ketua Kampung Sesapan Batu Rembau," menurut LZS di Facebook pada 25 September.

Lahir lepasan cipta peluang kerja

SHAH ALAM - Universiti Islam Selangor (UIS) yang dinaik taraf sebagai institusi pengajian tinggi sejak tahun lalu berupaya menjadi institusi pengajian tinggi terbaik di negara ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia boleh dicapai melalui kualiti penyelidikan, penerbitan jurnal selain ada rangkaian dengan universiti ternama.

"Kejayaan universiti bergantung ke-

pada keupayaan melahirkan graduan berinovasi dan kreatif untuk mencipta pekerjaan, bukan semata-mata melahirkan graduan mencari pekerjaan," katanya.

Beliau merasmikan sidang ketiga konvokesyen UIS ke-26 melibatkan 332 lepasan ijazah sarjana muda Fakulti Pengajian Peradaban Islam dan 80 dari Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran.

Majlis pada 24 September julung kali

melibatkan penyampaian peringkat ijazah dan diploma sejak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dinaik taraf pada 13 Oktober 2022.

Seramai 2,511 lepasan pelbagai peringkat pengajian termasuk doktor falsafah dirai dalam konvokesyen sehingga 26 September.

Jumlah keseluruhan lepasan UIS antara 1998 hingga 2023 seramai 29,876 orang.

Hari Terbuka Yayasan Raja Muda Selangor

Peluang anak muda kembang bakat

Oleh SOFIA NASIR

KUALA LANGAT - Hari Terbuka Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) membuka peluang golongan belia mengembangkan bakat dalam sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Ketua Pegawai Eksekutif YRMS Nurul Azwa Rodzi berkata tiada pertandingan kemahiran khusus di Malaysia setakat ini yang boleh disertai pelajar bagi menonjolkan bakat ciptaan inovasi.

"Hampir tiada pertandingan TVET yang boleh disertai pelajar. Kita hanya ada pertandingan kemahiran, itu pun peringkat Asean dan antarabangsa.

"Pertandingan ini peringkat awalan, kita tidak hadkan kepada ciptaan robotik sahaja tetapi terbuka kepada apa jua kemahiran," katanya di Kolej Komuniti Kuala Langat pada 26 September.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan merasmikan program itu.

Pemenang kategori kolej dan sekolah turut dirai dalam program tersebut selain menampilkan pertandingan pembentangan perniagaan hasil kerjasama Selangor Youth Community (SAY).

Lima pelajar Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam muncul pemenang utama kategori sekolah sekali gus membawa pulang wang tunai RM1,500 dan sijil penghargaan.

Mencipta ampaian pengering mudah alih, pelajar aliran sains berkenaan mengambil masa seminggu untuk menyiapkan ciptaan mereka yang hanya menelan kos bawah RM100.

Wakil pelajar Adeeb Sofia Idris berkata idea tersebut timbul selepas beliau yang tinggal di asrama tidak dapat mengangkat pakaian ketika hujan kerana terpaksa menghadiri kelas.

"Saya tinggal di asrama, jadi saya fikir, mengapa saya tidak cuba selesaikan masalah saya sendiri dahulu untuk membuat ciptaan baharu.

"Saya harap ciptaan ini dapat membantu orang lain terutama mereka yang tidak mampu memiliki mesin pengering yang kosnya tinggi," katanya.

9,000 anak yatim terima bantuan

SHAH ALAM - Sejak Januari, Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menyalur RM3 juta bagi menjayakan pelbagai program yang memanfaatkan lebih 9,000 anak yatim daripada 25 rumah kebajikan.

Pengurus Besarnya Nur Mohd Razali Abdullah menjelaskan sumbangan itu dihulur kepada golongan berkenaan yang melanjutkan pengajian selain

menerima bantuan persekolahan dan Ramadan.

"Ini hasil sokongan orang ramai yang membantu dengan memberi sumbangan untuk disalur kepada anak-anak yatim ini," katanya dalam Hari Terbuka Rumah Anak Yatim Selangor pada 30 September.

Beliau turut menyampaikan sumbangan RM40,000 kepada 40 anak

yatim yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Orang ramai yang ingin menyalur sumbangan boleh melayari laman sawang dan Facebook Yide atau menghubungi talian 03-3345 9900.

Yide adalah agensi bawah Majlis Agama Islam Selangor yang diberi amanah untuk menjaga hal ehwal kebajikan anak yatim di seluruh negeri ini.

Ringan beban Zaiton Sameon

SHAH ALAM - Keperitan hidup penyanyi popular 1980-an Zaiton Sameon yang hidup sebatang kara mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Justeru, LZS menziarahi penyanyi berusia 67 tahun mengisi borang zakat bagi bantuan sewa bilik, kewangan dan makanan bulanan yang disalur awal

bulan depan selain wang kecemasan.

"Diharap dengan hasil zakat yang ditunaikan ini, dapatlah kita saksikan penyanyi legenda kita terus sihat dan sentiasa dalam keadaan baik," menurut kenyataan di Facebook.

Mengikut LZS, Zaiton yang popular dengan lagu Menaruh Harapan cuba untuk bangkit semula

tetapi tidak berupaya berbuat demikian ekoran keadaan ekonomi pada ketika ini.

Menurut kenyataan sama, beliau pada masa ini hanya mengharapkan bantuan kenalan rapat untuk meneruskan kehidupan.

Baru-baru ini, Zaiton yang jarang menerima tawaran menyanyi terpaksa memohon bantuan kewangan dan menumpang di rumah anak angkatnya.





Pemain Selangor FC Muhammad Safuan Baharudin (tengah) menghalang percubaan Terengganu FC dalam aksi Liga Super di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu pada 29 September. Foto BERNAMA

Kekal kedudukan kedua Liga Super

Manfaat cuti rehat, baiki kelemahan

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Barisan kejurulatihan Selangor FC akan melakukan persiapan rapi bagi mengekalkan kecerasan pemain sepanjang tempoh rehat sebulan.

Pengendalinya Tan Cheng Hoe berkata keadaan itu penting bagi mengekalkan momentum kemenangan selepas menewaskan Terengganu FC (TFC) 4-0 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu pada 29 September.

Beliau berkata semangat juang dan

kerja keras pemainnya yang memperoleh jaringan awal menebus kekecewaan tewas kepada pasukan sama pada peringkat suku akhir Piala Malaysia baru-baru ini.

"Jaringan awal yang kita peroleh memberikan keyakinan dan motivasi yang tinggi kepada pemain untuk kekal melakar kemenangan berharga dengan jaringan yang begitu besar.

"Kemenangan itu tidak mudah dicapai lebih-lebih lagi dalam masa dua minggu pasukan kita perlu berdepan dengan TFC termasuk dua aksi dalam saingan Piala Malaysia, lagipun kita tahu TFC berada pada

landasan yang baik dengan momentum tanpa tewas sejak tiga bulan lalu berbanding pasukan kami.

"Ada nada kerisauan mengenai momentum pasukan kerana selepas ini kita perlu berehat panjang selama sebulan, namun itu bukan alasan untuk pemain tidak kekal cergas, saya akan melakukan perancangan terbaik pasukan dalam tempoh itu," katanya.

Dalam perlawanan itu, Yohandry Orozco meledak dua gol pada babak pertama diikuti jaringan Faisal Halim dan pemain gantian Muhammad Aliff Izwan Yuslan.

Kerjasama perkukuh tajaan skuad

SHAH ALAM - Selangor FC menjalin kerjasama strategik bersama syarikat pembekal alatan elektronik Khind Marketing Malaysia (Khind) untuk mengukuh penajaan skuad itu.

Ketua pegawai eksekutif Selangor FC berkata kerjasama itu termasuk membekal alatan elektrik berkualiti tinggi bagi menambah baik keperluan logistik dan kemudahan latihan pasukan.

Dr Johan Kamal Hamidon menjelaskan usaha sama itu juga membantu memperkuat pasukan bagi saingan musim hadapan selain berharap lebih

banyak entiti korporat lain tampil memberi tajaan.

"Kita memulakan perancangan untuk tahun hadapan dan kerjasama strategik ini merupakan langkah awal. Saingan musim hadapan sangat penting buat kami.

"Saya harap kerjasama ini juga jadi pemangkin untuk melihat pelbagai penaja dan pemegang taruh untuk menaja pasukan bola sepak supaya industri ini akan berkembang," katanya di sini pada 27 September.

Majlis pemeretaian itu disaksikan

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dan Pengurusi Khind Marketing Malaysia Cheng Ping Keat.

Menerusi kerjasama itu juga logo jenama syarikat berkenaan dipaparkan pada jersi perlawanan dan latihan Red Giants musim hadapan.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Khind Holdings Berhad Adil Jimmy Mistry berkata kerjasama itu komitmen pihaknya membantu membangunkan bola sepak pada peringkat akar umbi.

Sembah taklimat program sukan

SHAH ALAM - EXCO belia dan sukan menyembah taklimat berhubung perancangan dan gerak kerja jawatankuasa tetapnya kepada Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor di sini pada 3 Oktober.

Dalam pertemuan itu, Najwan Halimi bersama pegawai negeri menerima nasihat, pandangan dan cadangan Tengku Amir Shah untuk meneroka inisiatif dalam mengupayakan potensi belia.

Beliau menjelaskan pembangunan atlet dan usahawan negeri ini turut disentuh dengan penekanan pembudayaan ilmu dan pemantapan sahsiah.

"Menjunjung kasih ke bawah DYT Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah yang berkenan menerima patik menghadap untuk sembah taklimat terkait perincian perancangan serta gerak kerja Jawatankuasa Tetap Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor, hari ini.

"Saya bersama pegawai Kerajaan Negeri turut menerima titah nasihat, pandangan dan cadangan dari DYT Tuanku untuk meneroka inisiatif serta pendekatan baharu dalam ikhtiar mengupayakan potensi belia, atlet dan usahawan dengan penekanan kepada pembudayaan ilmu dan pemantapan sahsiah," katanya di laman X.

ARAS juara ragbi tujuh sebelah

SHAH ALAM - Akademi Ragbi Selangor (ARAS) muncul juara Kejohanan Ragbi Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) Primer 7s 2023 selepas menewaskan wakil dari Pahang, pada 1 Oktober.

ARAS yang diwakili Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Tiga menewaskan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) dengan keputusan 24-0 dalam perlawanan di padang MCKK.

Lebih membanggakan dua pemain ARAS Anas Zulkarnain Mizan dinobat sebagai pemain terbaik perlawanan akhir manakala Wan Danial Syazwan Wan Zulkifli pemain terbaik kejohanan.

Penyampaian hadiah disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Sukan	1	2	3	Jumlah
Pelayaran	1	0	2	3
Skuasy	1	0	1	2
Equestrian	1	0	0	1
Terjun	0	1	4	5
e-Sukan	0	1	1	2
Sepak takraw	0	1	0	1
Wushu	0	1	0	1
Basikal	0	0	4	4
Olahraga	0	0	3	3
Gimnastik	0	0	1	1
	3	4	16	23

* Kutipan pingat setakat 4 Oktober 2023

**KAMRI KAMARUDDIN****Bukit Antarabangsa**

membantu melancarkan program Jualan Ehsan Rahmah di Taman Dagang, Ampang Jaya

**IR IZHAM HASHIM****Pandan Indah**

menyampaikan sumbangan beras dan telur di kawasan DUN beliau

**BORHAN AMAN SHAH****Tanjung Sepat**

memberi sumbangan kepada penduduk di Batu Untung, Kuala Langat

**JAMALIAH JAMALUDDIN****Bandar Utama**

memeriahkan Pesta Tanglung Kampung Chempaka, Petaling Jaya

**DR FAHMI NGAH****Seri Setia**

menyertai perarakan sambutan Maulidur Rasul di Masjid Al-Islamiah, Petaling Jaya

**LEE KEE HIONG****Kuala Kubu Baharu**

menyerah sumbangan kepada mangsa kebakaran di Rumah Murah Kilat, Hulu Selangor

**DANIAL AL-RASHID****Batu Tiga**

melawat Tabika Kemas Pangaspuri Seksyen 20, Shah Alam

Dialog dengar pandangan penduduk

GOMBAK - Kerajaan Negeri sedia mendengar suara penduduk berhubung cadangan pembinaan loji pembakaran sampah (insinerator) di Bandar Tasik Puteri di sini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Rawang berkata pihaknya maklum kebimbangan penduduk yang mendakwa projek tersebut akan menjasaskan alam sekitar dan kesihatan.

"Kita mendengar keluhan dan ker-



isuan penduduk. Saya faham pembinaan loji ini merupakan teknologi canggih tapi penduduk mungkin tidak faham dan tidak tahu.

"Cara yang paling baik adalah adakan sesi dialog antara pemilik projek dan penduduk.

Saya rasa Kerajaan Negeri sedia dengar suara rakyat," kata Chua Wei Kiat.

Beliau menghadiri sesi dialog bersama lebih 100 penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan, Jaringan Rawang

Tolak Insinerator (JRTI) di Dataran Batu Arang pada 1 Oktober.

Sementara itu, Penyelaras JRTI Dr Lam Choong Wah berkata pihaknya menolak cadangan pembinaan loji pembakaran sampah berikutan ia terletak berhampiran penempatan penduduk.

Justeru, pertubuhan itu mencadangkan Kerajaan Negeri melaksana penyelesaian lebih lestari seperti pengurusan sisir sifar yang merangkumi kitar semula, guna semula serta larangan penggunaan plastik.

Festival seni capai matlamat

Ketengah budaya, warisan dunia

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

PETALING JAYA - Festival Cerita Rakyat Belia Asia Pasifik Pertama 2023 yang melabuhkan tirai pada 25 September mencapai matlamat untuk mengengrahkan kepelbagaiannya budaya dan warisan antarabangsa kepada masyarakat.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata acara anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu membuka ruang kepada orang ramai mempelajari dan mengenali lebih dekat keunikan budaya negara lain.

"Sepanjang seminggu penganjuran, festival ini membantu menonjolkan pelbagai acara kebudayaan kepada

penduduk tempatan dan pengunjung luar negara.

"Pertukaran dan persemahan budaya ini memainkan peranan penting dalam menggalakkan kefahaman antarabangsa yang merentas budaya.

"Ia juga membantu meningkatkan toleransi dan menghormati perbezaan budaya lain sekali gus memudahkan kerjasama antara negara selepas ini," katanya di Dewan Sivik MBPJ di sini.

Dalam majlis apresiasi festival itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada kumpulan kebudayaan dari negara terlibat yang menghiburkan pengunjung dengan persembahan memukau.

"Saya faham anda semua telah mengorbankan masa dan tenaga demi menjayakan festival kali ini. Dengan penuh rasa hormat, saya berterima kasih kepada anda semua atas sumbangan, komitmen serta penyertaan," katanya.

Bertemakan 'Menghayati Budaya dan Warisan', festival itu melibatkan penyertaan 26 negara antaranya Indonesia, Singapura, Jepun, China, India, Thailand, Iran, Filipina, Sri Lanka dan Lithuania.

Sepanjang penganjuran sejak 21 September, festival sarat dengan aktiviti menarik seperti persembahan kebudayaan antarabangsa, seminar kerjaya seni dan Persidangan Antarabangsa PJ 2023.

percuma terutama penduduk Lembah Jaya," katanya pada 26 September.

SADE adalah penjenamaan semula program pemberian air percuma yang dilaksana Kerajaan Selangor sejak 1 Jun 2008.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan kira-kira 100,000 lagi akaun pengguna bakal menikmati air percuma 20 meter padu sebulan dengan kos lebih RM30 juta dibayar sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Bantu keluarga daftar air percuma

SHAH ALAM - Wakil rakyat Lembah Jaya menumpukan usaha memastikan lebih ramai keluarga berpendapatan bawah RM5,000 di kawasan itu berdaftar dalam Skim Air Darul Ehsan (SADE).

Syed Ahmad Syed Abdul Rahman atau Altimet memaklumkan sebanyak 250,000 kuota bekalan air



percuma belum digunakan secara menyeluruh sejak dilancar pada 1 Mac 2020, lapor Berita Harian.

"Kita masih ada tempat untuk 250,000 isi rumah. Kalau boleh, saya mahu sebanyak mungkin daripada jumlah isi rumah itu mendapatkan air percuma.

"Ini antara fokus saya di mana saya mahu seramai boleh keluarga (berpendapatan bawah RM5,000) terima air

percuma terutama penduduk Lembah Jaya," katanya pada 26 September.

SADE adalah penjenamaan semula program pemberian air percuma yang dilaksana Kerajaan Selangor sejak 1 Jun 2008.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan kira-kira 100,000 lagi akaun pengguna bakal menikmati air percuma 20 meter padu sebulan dengan kos lebih RM30 juta dibayar sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Perluas kutipan barang kitar semula

SUBANG JAYA - Khidmat kutipan barang kitar semula dari kediaman penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya bakal diperluas, kata wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze.

Beliau berkata perkara itu diteliti selepas mengambil kira perihalnya amalan kitar semula selain didikan mengenai pengurusan sampah.

Menurut Michelle Ng Mei Sze, perbincangan dengan KDEB Waste Management (KDEBWM) diadakan baru-baru ini bagi melancarkan operasi berkenaan.

"Mereka (KDEBWM) bersetuju untuk laksanakan sekurang-kurangnya tiga kali

seminggu kutipan barang kitar semula dari kediaman penduduk.

"Manakala, inisiatif dari pejabat DUN pula kita akan uar-uarkan berhubung kaedah pelaksanaannya nanti dalam masa terdekat," katanya pada 25 September.



Syor tangguh aktiviti luar kelas

SHAH ALAM - Aktiviti luar bilik darjah perlu ditangguh sementara berikutan kualiti udara tidak sihat di beberapa kawasan yang dikhuatiri menjadikan kesihatan pelajar.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga juga mencadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pembelajaran dalam talian atau penangguhan kelas jika keadaan memburuk.

"Keadaan udara tidak sihat boleh memberi kesan serius kepada kesihatan pelajar, terutama apabila mereka terdedah kepada tahap pencemaran udara yang tinggi."

"KPM perlu mengambil tindakan proaktif dan berhati-hati berkaitan kesihatan pelajar, terutama dalam konteks persekitaran pembelajaran di sekolah," kata Danial Al-Rashid Haron pada 3 Oktober.

Beliau menambah KPM perlu bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar bagi mendapatkan data terkini berhubung kualiti udara di kawasan terjejas untuk membuat keputusan.

Periksa kesihatan jadi keutamaan

SUBANG JAYA - Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Serdang bercadang menjadikan pemeriksaan kesihatan sebagai program utama kawasan itu bagi memupuk gaya hidup sihat warganya.

Abbas Azmi berkata program seumpama itu boleh meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan saringan kesihatan supaya dapat mencegah penyakit lebih awal.

"Di negara ini kita lebih suka bila sudah sakit baru ke hospital, apa kata kali ini kita buat program yang berkesedaran supaya kita tidak lagi sebegitu."

"Mantan wakil rakyat sebelum ini (Dr Siti Mariah Mahmud) juga sering adakan program pemeriksaan kesihatan jadi saya akan terus menyambung aktiviti sebegini dengan beberapa penambahbaikan," katanya pada 1 Oktober.

Hari khas kutip sisa kitar semula

AMPANG JAYA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) disarankan menganjurkan hari khas kutipan barang kitar semula di kawasan pentadbirannya.

Ahli Parlimen Ampang Rodziah Ismail berkata usaha itu bagi mendidik penduduk untuk lebih berdisiplin dan menggunakan kaedah yang betul mengasingkan sampah.

"Kalau boleh kita usahakan pada peringkat MPAJ diwujudkan satu hari contohnya Ahad untuk dibuat kutipan sampah kitar semula sahaja. Jadi penduduk tahu dan hanya sampah itu akan diletakkan di luar rumah pada hari yang berkenaan."

"Perkara ini saya sudah dilaksanakan bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sejak dua tahun lalu ketika saya menjadi Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga."

Bina 60,000 rumah
menjelang 2025

2

Insentif RM1,000
untuk 500 petani

3

Tutup sekolah
jika IPU 200

18

MPSepang sedia RM249.8 juta
untuk pembangunan

19

Selangor FC baiki kelemahan
sepanjang cuti rehat

21

selangorkini

Lori tangki sepanjang tempoh senggara

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menggerakkan lori tangki ke kawasan terjejas sepanjang kerja senggara di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat pada 10 Oktober.

Agenzia memaklumkan gangguan bekalan air berjadual itu melibatkan kawasan di Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat bermula 9 pagi.

"Kerja itu dijangka siap pada 7 malam hari sama dengan bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari, 12 Oktober (Khamis).

"Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terlibat berbeza berdasarkan kepada jarak lokasi premis pengguna serta tekanan pada sistem agihan bekalan air," katanya pada 29 September.

700 buku Muhammad terjual lima hari

SHAH ALAM - Buku berjudul Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terafal terus mendapat sambutan apabila 700 naskhah terjual sepanjang sambutan Maulidur Rasul minggu lepas.

Pengurus jualan dan pemasaran Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) berkata jumlah itu dicatatkan dalam tempoh lima hari dari 25 hingga 29 September dengan nilai jualan dianggarkan RM50,000.

"Karya terjemahan Martin Lings ini mendapat permintaan luar biasa hingga kita kehabisan stok. Seramai 500 pembeli terafal juga dihadiahkan poster salasilah Nabi Muhammad SAW yang menjadi salah satu tarikan pembaca," kata Ainunl Muaiyanah Muhammad Sulaiman pada 2 Oktober.

Raih gangsa akhiri penantian 17 tahun

SHAH ALAM - Ratu trek negara Shereen Samson Vallabouy berjaya menamatkan penantian 17 tahun Malaysia untuk meraih pingat olahraga di Sukan Asia Hangzhou selepas merangkul gangsa acara 400m wanita pada 30 September.

Atlet berusia 25 tahun itu mencatatkan 52.58s di Stadium Olimpik Hangzhou, sedikit perlahan berbanding rekod kebangsaan miliknya 51.80s, lapor Bernama.

Bercakap kepada pemberita selepas acaranya, Shereen gembira berjaya mencapai sasarannya untuk membuat penampilan sulung Sukan Asia yang cemerlang dengan meraih pingat.

"Ia amat bermakna. Rasa menakjubkan untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai tahap ini dan memenangi sebutir pingat untuk Malaysia."



CEMERLANG...
Aksi pelari pecut negara Muhammad Azeem Fahmi meraih pingat gangsa dalam acara 100m Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China pada 30 September. Foto Facebook Majlis Sukan Negara Malaysia

Tuah Qabil Ambak tukar kuda

Hampiri sasaran pingat Sukan Asia

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kontinjen Malaysia meraih 23 pingat daripada 27 yang disasarkan dalam temasya Sukan Asia Hangzhou 2022 dengan kilauan tiga emas, empat perak dan 16 gangsa setakat 4 Oktober.

Emas pertama disumbang atlet perlayaran wanita Nur Shazrin Mohamad Latif dalam acara ILCA 6 pada 27 September sekali gus layak Sukan Olimpik Paris 2024.

Keputusan untuk beralih semula ke kuda Rosenstolz nyata membawa tuah buat jaguh ekuestrian Qabil Ambak Mahamad Fathil yang menyumbang emas kedua apabila mengungguli acara dressage individu pada 28 September.

Pasukan skuasy wanita turut mengotakkan janji meraih emas selepas menewaskan Hong Kong 2-1 dalam acara berpasukan pada 30 September.

Gandingan Wendy Ng-Nur Dhabitah Sabri turut cemerlang mengekalkan pingat perak yang dimenangi lima ta-

hun lalu di Indonesia dalam acara 3m papan anjal akhir wanita pada 1 Oktober.

Sebelum itu, Malaysia turut menangkap tiga pingat sama menerusi Tan Cheong Min (wushu), pasukan e-sukan (permainan Arena of Valor) dan sepak takraw lelaki.

Sementara itu, 16 pingat gangsa diraih menerusi acara terjun dan berbasikal (empat), olahraga (tiga), perlayaran (dua) dan masing-masing satu oleh skuasy, e-sukan serta gimnastik.

Pantau sistem saliran elak banjir

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan berkaitan membersihkan sistem saliran bagi berdepan kemungkinan banjir.

Beliau menambah PBT, Jabatan Kerja Raya dan agensi berkaitan perlu memastikan kolam takungan, saliran, parit serta longkang di lokasi berisiko bencana tersebut berfungsi secara optimum.

"Sebagai persediaan menghadapi

Monsun Timur Laut, saya telah mengarahkan supaya seluruh jentera Kerajaan Negeri bersiap sedia dengan beberapa tindakan," katanya pada 4 Oktober.

Amirudin menambah Pusat Operasi Smart Selangor pula bertanggungjawab dalam mengkoordinasi dan memantau pemakluman kepada orang ramai dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia.

Beliau menjelaskan pelbagai kemu-

dahan termasuk barang keperluan asas dan bekalan makanan di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi kawasan berisiko bencana tersebut akan ditambah.

Katanya, pembahagian tugas juga dibuat antaranya EXCO negeri Ng Sze Han memulihkan lokasi industri, Ir Izham Hashim (pemulihran prasarana), Borhan Aman Shah (pengurusan PPS) dan Ng Suee Lim (pembersihan dan PBT).